

PENGGUNAAN BAHASA: SUATU PENJELASAN

Noam Chomsky
Diterjemahkan oleh
Rusli Abdul Ghani

Dalam Kuliah-kuliah John Locke yang disampaikan oleh Hilary Putnam, Putnam berhujah “bahawa sesetengah keupayaan manusiawi – pertuturan merupakan contoh tipikal – mungkin tidak dapat dijelaskan dari sudut teoretis secara sendiri-sendiri,” melainkan sebagai model lengkap “organisasi fungsian manusia”, yang “mungkin pula *tidak dapat difahami* manusia apabila dinyatakan dengan terperinci.” Masalahnya “secara realistik, kita tidak akan memperoleh model penjelasan terperinci untuk ‘manusia’ semula jadi,” bukan kerana “kerumitan *semata-mata*” tetapi kerana “kita juga agak sukar memahami diri sendiri, dalam erti kata *tidak* mempunyai keupayaan untuk memahami satu sama lain sebagaimana kita memahami atom-atom hidrogen.” Ini merupakan “hakikat *konstitutif*” tentang “manusia pada masa ini,” tetapi mungkin tidak dalam beberapa ratus tahun nanti (Putnam, 1978).

Justeru, *manusia* dan *atom hidrogen* “jenis semula jadi” memerlukan kajian yang berbeza, dengan salah satunya membawa kepada “model penjelasan terperinci”, dan yang satu lagi itu tidak, sekurang-kurangnya buat masa ini. Kategori pertama merupakan penelitian saintifik yang tertumpu pada pencarian teori-teori penjelasan yang masuk akal. Teori ini kemudiannya diharap akan bergabung dengan sains alamiah teras; kita namakan sahaja kaedah penelitian ini “*naturalistik*”, dengan tumpuannya terhadap ciri kajian dan matlamat yang munasabah, sebagai suatu abstrakan daripada pencapaian sebenar. Di luar batas cakupan ini, terdapat isu-isu sebesar “organisasi fungsian manusia”, yang bukan topik serius untuk penelitian naturalistik (semasa) tetapi lebih kepada kajian tentang semua hal, umpamanya usaha untuk menjawab soalan semu seperti “bagaimanakah sesuatu itu bertindak?” Atau “Mengapakah sesuatu peristiwa itu berlaku?”

Dapat diujahkan bahawa banyak soalan – termasuk yang besar ertinya kepada manusia – yang tidak terangkum dalam penelitian naturalistik; untuk itu, kita manfaatkan kaedah-kaedah lain. Seperti yang ditegaskan oleh Putnam, batas perbezaannya tidak jelas, namun ia tetap berguna.

Dalam suatu perbincangan kritis tentang “mentalisme canggih jenis MIT” (secara khusus, “bahasa fikiran” Jerry Fodor, Fodor 1975), Putnam menambahkan beberapa cerapan pelengkap tentang penelitian teoretis yang *tidak* dapat membantu menjelaskan pertuturan bahasa. Beliau mengambil kira kemungkinan sains otak membuat penemuan bahawa semasa kita “memikirkan perkataan *cat*” (atau penutur Thai memikirkan kata yang sepadan), konfigurasi C terbentuk di dalam otak. “Ini menarik jika benar,” rumus beliau, mungkin sekali gus berupa suatu sumbangan bermakna dalam psikologi dan sains otak, “tetapi apakah kerelevanannya dengan perbincangan *makna cat*” (atau dengan padanan Thai, atau dengan C)? – implikasinya adalah ia tidak relevan (Putnam, 1988a).

Dengan itu, kita mempunyai dua tesis yang berkaitan. Pertama, “pertuturan bahasa” dan keupayaan lain bagi manusia buat masa ini tidak terangkum dalam penelitian naturalistik. Kedua, tiada apa pun yang dapat dipelajari tentang makna (justeru, tentang aspek asasi pertuturan bahasa) daripada kajian konfigurasi dan proses otak (setidak-tidaknya daripada jenis kajian yang diperkatakan). Kesimpulan pertama nampaknya tidak memadai dan tidak dirumuskan sebaik mungkin; Yang kedua pula, terlalu kuat. Mari kita bincangkan perkara ini satu persatu.

Konsep *manusia* adalah sebahagian daripada kefahaman akaliah kita, dengan ciri individuasi, ketabahan rohaniah, dan sebagainya, yang mencerminkan keprihatinan, sikap, dan perspektif manusiawi tertentu. Yang sama juga benar bagi *pertuturan bahasa*. Selain kebetulan yang agak tidak mungkin berlaku, konsep sedemikian tidak akan terangkum dalam teori-teori penjelasan jenis naturalistik; bukan sekadar sekarang, tetapi selamanya. Ini bukan disebabkan batas budaya atau batas intrinsik manusiawi (walaupun ini tentunya wujud), tetapi kerana sifat semula jadinya. Mungkin banyak yang boleh diperkatakan tentang manusia yang dikonsepsikan sedemikian; huraian aras rendah yang memberikan penjelasan yang lemah pun banyak memperkatakannya. Namun, huraian sedemikian tidak dapat disepadukan ke dalam sains alamiah di samping model-model penjelasan untuk atom hidrogen, sel, atau entiti lain yang kita anjurkan dalam mencari model penjelasan yang koheren dan masuk akal untuk jenis naturalistik. Tiada sebab untuk mengandaikan adanya “‘manusia’ jenis semula jadi”, andainya jenis semula jadi itu merupakan jenis-jenis alam semula jadi, iaitu kategori-

kategori yang ditemui dalam penelitian naturalistik.

Soalnya bukan sama ada konsep pemahaman akaliah itu sendiri yang boleh dikaji dalam cabang penelitian naturalistik tertentu; mungkin boleh. Yang pentingnya, sama ada semasa meneliti alam semula jadi (ataupun, penelitian konsep-konsep ini, sebagai sebahagian daripada alam semula jadi), kita melihatnya dari sudut pandangan yang disediakan oleh konsep-konsep sedemikian. Tentunya tidak. Mungkin ada kajian saintifik tentang sesuatu aspek apa itu manusia dan apa yang dibuat oleh mereka, tetapi mereka tidak akan menggunakan tanggapan akaliah *manusia* atau *pertuturan bahasa* – bersama-sama peranan istimewa masing-masing dalam kehidupan dan pemikiran manusia – dalam merumuskan prinsip penjelasan masing-masing.

Hal yang sama juga benar bagi konsep akaliah umumnya. Tanggapan seperti *desk* atau *book* atau *house*, apatah lagi yang lebih “abstrak”, tidak sesuai untuk penelitian naturalistik sama ada sesuatu itu diperikan sebaiknya sebagai meja tulis, bukannya meja atau katil yang keras, tergantung pada niat pereka bentuknya dan cara kita dan yang lainnya (berniat untuk) menggunakannya, selain faktor lain. Buku merupakan objek konkrit. Kita boleh merujuk kepadanya sebagai objek konkrit (“buku itu beratnya lima paun”), atau daripada perspektif abstrak (“siapakah yang menulis buku itu?”; “dia menulis buku itu dalam kepala, kemudian melupakannya”); atau daripada kedua-dua perspektif sekali gus (“buku yang ditulisnya itu beratnya lima paun,” “apabila terbit nanti buku yang sedang ditulisnya itu beratnya sekurang-kurangnya lima paun”). Jika saya katakan “set daun terup, yang satu Ratunya sudah hilang, terlalu lusuh untuk digunakan lagi,” set tersebut sekali gus ditanggapi sebagai set yang rosak dan suatu jenis “objek konkrit” bertaburan yang aneh, tetapi tentu sekali bukan suatu perkaitan mereologikal. Istilah *rumah* digunakan untuk merujuk kepada objek konkrit, tetapi dari sudut pandangan hubungan khasnya dengan kepentingan dan matlamat manusia dan sifat-sifat anehnya yang lain. Sebuah rumah boleh dimusnahkan dan dibina semula, seperti sebuah bandar; London mungkin ranap kesemuanya dan dibina semula di tebing Sungai Thames dalam masa 1000 tahun dan masih dianggap London, dalam sesetengah keadaan. Memang sukar untuk membayangkan bagaimana hakikat ini boleh menjadi konsep yang sesuai untuk kajian teoretis benda, peristiwa, dan proses dalam alam semula jadi. Anehnya, perkara yang sama juga benar bagi *jirim*, *gerakan*, *tenaga*, *kerja*, *cecair*, dan tanggapan akaliah lain yang dikesampingkan setelah berlangsungnya penelitian naturalistik; ahli fizik yang bertanya sama ada selonggok pasir itu pepejal, cecair atau gas – atau sejenis bahan yang lain – tidak pula membuang masa dengan

bertanyakan bagaimana istilah-istilah tersebut digunakan dalam wacana biasa, dan tidak pula mengharapakan jawapan kepada soalan yang kemudian itu mempunyai kaitan dengan jenis alamiah, jika ini merupakan jenis-jenis dalam alam semula jadi (Jaeger dan Nagel, 1992).

Justeru, wajar juga jika kita menjangkakan bahawa perkara yang sama juga benar bagi *kepercayaan, keinginan, makna, dan bunyi perkataan, niat*, dan sebagainya, setakat aspek-aspek pemikiran dan tindakan manusia dapat ditangani dalam ruang lingkup penelitian naturalistik. Nampaknya, untuk menjadi seorang Realis Intensional sama wajarnya dengan Realis Meja Tulis atau Realis Bunyi Bahasa atau Realis Kucing atau Realis Jirim; bukannya tidak ada benda-benda seperti meja, dan lain-lain, tetapi dalam ranah yang persoalan realisme itu bangkit secara serius, dalam konteks pencarian hukum alam, objek tidak dikonsepsikan dari perspektif tertentu yang disediakan oleh konsep akaliah. Ramai yang berpendapat bahawa "*mentalistic talk and mental entities should eventually lose their place in our attempts to describe and explain the world*" (Burge, 1992). Ini memang benar, tetapi sukar untuk melihat sesuatu yang bererti dalam doktrin ini, kerana tidak dapat dipertikaikan bahawa hakikat yang sama juga benar bagi "*physicalistic talk and physical entities*" (sehingga ke takat perbezaan "mental" – "fizikal" dapat diterima akal).

Tanggapan yang paling dasar pun, seperti *benda yang boleh dinamakan*, melibatkan tanggapan rumit seperti pelaku manusia. Apa yang kita anggap sebagai objek, bagaimana kita merujuk kepadanya dan memerikannya, dan sejumlah sifat yang ada padanya, bergantung pada tempatnya dalam matriks tindakan manusia, minat, dan niat sehubungan dengan apa yang berada jauh di luar lingkungan julat keupayaan penelitian naturalistik. Istilah bahasa mungkin juga menunjukkan kedudukan butiran kepercayaan, yang selanjutnya memperkaya perspektif yang diberikan oleh istilah ini untuk melihat dunia, walaupun dengan cara yang tidak sesuai dengan matlamat penelitian naturalistik. Sesetengah istilah – terutama yang tiada "struktur hubungan dalaman" (yang ketara ialah "istilah jenis tabii") – mungkin tidak lebih daripada itu, dari segi leksikon bahasa tabii. (Lihat, antara lain, Moravcsik, 1975; Chomsky, 1975b; Moravcsik, 1990; Bromberger 1992a.) Saya menggunakan istilah "struktur hubungan dalaman" dengan maksud sifat terpilih perkataan seperti "*give*" (yang memerlukan subjek agen, objek tema, dan objek tidak langsung matlamat), tetapi tidak pula untuk "*cat*", "*liquid*", dll. Konsep bahasa tabii, dan konsep akaliah umumnya, bukan pun calon untuk teori-teori naturalistik.

Putnam turut menerapkan kesimpulannya pada tesis Brentano bahawasa-

nya “keintensionalan tidak akan dikurangkan dan tidak akan lenyap”: “*there is no scientifically describable property that all cases of any particular intentional property have in common*” (katakan, berfikir tentang *cats*) (Putnam, 1988a). Yang lebih umum lagi, fenomena intensional berkait dengan manusia dan apa yang dilakukan oleh mereka dilihat dari sudut pandangan nilai manusiawi dan fikiran sepintas lalu, dan dengan itu tidak akan (dari pandangan sedemikian) tergolong dalam teori naturalistik, yang cenderung untuk meminggirkan faktor-faktor sedemikian. Seperti jasad yang jatuh, ataupun hal langitan, atau cecair, sesuatu “fenomena intensional tertentu” mungkin berkait dengan rantau amorfus tertentu dalam ruang nilai dan prihatin manusiawi yang agak rumit dan berubah-ubah. Tetapi ini bukanlah konsep yang sesuai untuk penelitian naturalistik.

Kita boleh membuat spekulasi bahawa komponen tertentu minda (katakan “fakulti pembentukan sains”, sekadar mengangkat darjat kejahilan dengan memberikannya suatu gelaran) terangkum dalam penelitian naturalistik, sepertimana fakulti bahasa (yang banyak juga kita ketahui) terangkum dalam pemerolehan dan penggunaan bahasa. Hasil daripada fakulti pembentukan sains ialah cebisan pemahaman teoretis, teori naturalistik dengan pelbagai darjah kekuatan dan kemunasabahan yang melibatkan konsep yang dibina dan diumpukkan makna dengan pertimbangan dan penentuan yang teliti, dan sedapat mungkin, dengan hasrat untuk mempertajam atau sebaliknya mengubahsuaikannya apabila semakin banyak yang diketahui tentang konsep tersebut. Fakulti minda yang lain menghasilkan konsep-konsep pemahaman akaliah, yang masuk ke dalam semantik bahasa tabii dan sistem-sistem kepercayaan. Ini secara mudah “tumbuh di dalam minda”, sepertimana embrio membesar menjadi manusia. Sejelas mana perbezaannya merupakan persoalan yang masih belum berjawab, namun ia nyata ada.

Kadangkala terdapat persamaan konsep yang terbit melalui cara yang berbeza ini; ada kemungkinan penelitian naturalistik membina suatu padanan bagi tanggapan akaliah *manusia*, sebagaimana H_2O ada kesepadanan kasar dengan *air* (namun tanah, udara, dan api, yang setara dengan air bagi orang zaman dahulu, tiada kesepadanan sedemikian). Sudah menjadi kebiasaan bahawa sebarang keserupaan dengan tanggapan akaliah tidak bererti bagi sains. Sebagai contoh, dalam bidang biokimia tiada keperluan untuk menentukan pada tahap mana dalam peralihan gas-gas mudah kepada bakteria kita menemui “zat kehidupan”; dan jika suatu pengkategorian sedemikian dipaksakan, kesepadannya dengan tanggapan akaliah tertentu sama tidak berertinya dengan (topologi) *neighborhood*, *energy*, atau *fish*.

Secara serupa, bukan bidang cakupan psikologi-biologi organisma untuk menangani persoalan seperti tanggapan teknikal wacana falsafah sebagai *kandungan persepsi*, dengan sifat-sifat yang ditentukan (kadang-kala tersalah umpuk kepada “psikologi rakyat”, suatu binaan yang nampaknya terbit sebahagiannya daripada kelaziman dan tradisi budaya parokial wacana akademik). Justeru, penelitian ini tidak harus mengumpukkan suatu taraf istimewa pada persepsi benar dalam keadaan “normal”. Oleh yang demikian, dalam kajian penentuan struktur daripada gerakan, tidak penting sama ada peristiwa luaran itu merupakan suatu susunan kilatan yang berturutan pada takistoskop yang menghasilkan pengalaman visual sesuatu kiub berputar dalam ruang, atau kiub sebenarnya yang berputar, ataupun rangsangan retina, atau saraf optik, atau korteks visual. Tambahan pula, “*the computational investigation concerns the nature of the internal representations used by the visual system and the processes by which they are derived*” (Ullman, 1979:3), sama seperti kajian algoritma dan mekanisme dalam kajian ini dan kajian-kajian lain yang dipelopori David Marr (1982). Tidak kisah sama ada orang mungkin menerima kes ilusi seperti “*seeing a cube*” (dengan mengangap “*seeing*” sebagai suatu pengalaman, sama ada “seolah-olah” atau sebenar) tidak menjadi soal; atau sama ada kepentingan teori-teori falsafah terhadap umpukan intensional ditangani. Suatu “psikologi” yang menangani persoalan yang terkemudian tentu sahaja tidak individualistik, seperti yang diujahkan oleh Martin Davies (1991), tetapi ia juga menyimpang daripada penelitian naturalistik tentang sifat organisma, dan mungkin juga daripada psikologi rakyat autentik.¹ Sebagai satu lagi contoh lazim, berdasarkan andaian (yang agak tidak wajar) bahawa pendekatan naturalistik terhadap, katakan, sifat cemburu dapat dilakukan, maka agak tidak mungkin pendekatan ini dapat membezakan keadaan yang melibatkan objek sebenar daripada objek khayalan. Jika “sains kognitif” dianggap berkaitan dengan pengumpulan intensional, mungkin ia sesuatu yang akhirnya terbukti menarik (sebagaimana kesusasteraan), tetapi ia tidak mungkin menyediakan teori penjelasan atau disepadukan ke dalam sains alamiah.

Apabila kefahaman semakin maju dan konsep semakin tajam, langkah penelitian naturalistik cenderung ke arah teori yang peristilahannya dibebaskan daripada saki-baki yang mengganggu kefahaman akaliah, dan diumpukkan suatu hubungan pada entiti yang dianjurkan dan diberikan tempat dalam matriks prinsip: *real number*, *electron*, dan sebagainya. Pencapahan daripada bahasa tabii ada dua: istilah yang terbina mengabstrak daripada sifat rumit ungkapan bahasa tabii; ia diumpukkan sifat semantik yang mungkin tidak berlaku bagi bahasa tabii, seperti rujukan (kita mesti

berwaspada dengan apa yang digelar oleh Strawson pada suatu masa dahulu “the myth of the logically proper name”, dalam bahasa tabii, dan mitos-mitos yang berkaitan sehubungan dengan indeksikal dan kata ganti nama; P. Strawson, 1952:216). Apabila langkah ini dilaksanakan, pencapahan dari bahasa tabii semakin bertambah; dan dengan ini, pencapahan di antara cara kita memahami *atom hidrogen*, di satu pihak, dengan *human being* (*desk, liquid, heavens, fall, chase, London, this*, dll.), di pihak yang lain.

Namun, versi diperkukuh tesis pertama Putnam pun tidak memberikan kita hak untuk terus ke tesis kedua, secara umumnya, untuk merumuskan bahawa teori-teori naturalistik otak tiada relevannya dalam memahami apa yang dilakukan oleh manusia. Dalam keadaan tertentu, manusia melihat persembahan takistoskopik sebagai kiub yang berputar atau cahaya yang bergerak lurus. Suatu kajian tentang korteks visual mungkin dapat menjelaskan mengapa ini terjadi, atau mengapa persepsi berlangsung seadanya dalam keadaan biasa. Dan penelitian yang setanding mungkin banyak menjelaskan “pertuturan bahasa” dan aktiviti-aktiviti manusia yang lain.

Ambil sahaja kes Putnam: penemuan bahawa memikirkan *cats* membangkitkan C. Tentunya penemuan sedemikian mungkin ada relevannya dengan penelitian terhadap apa yang dimaksudkan oleh Peter (atau merujuk kepada, atau fikirkan) apabila dia menggunakan istilah *cat*, dan dari sini kepada “perbincangan tentang makna *cat*”. Sebagai contoh, sudah ada perdebatan – yang turut disertai oleh Putnam – tentang sifat-sifat rujukan *cat* jika *cats* didapati robot yang dikawal dari Marikh. Andaikan selepas Peter mempercayai hakikat ini, otaknya membentuk, ataupun tidak membentuk C apabila dia merujuk kepada *cats* (memikirkan tentangnya, dsbnya). Ini mungkin relevan bagi perbahasan tersebut. Atau, ambil kes yang realistik: kajian terbaru tentang aktiviti elektrik otak (potensi berkaitan peristiwa, atau ERP) menunjukkan gerak balas ketara terhadap ungkapan menyimpang dan yang tidak dan, antara yang menyimpang, ialah ungkapan yang melanggar:

1. Jangkaan makna perkataan;
2. Aturan struktur frasa;
3. Syarat kekhususan rujukan tentang pengenalpastian operator; dan
4. Syarat tempat bagi pergerakan (Neville *et al.* 1991).

Keputusan sedemikian tentunya mungkin relevan bagi kajian tentang penggunaan bahasa, khususnya, kajian makna.

Kita boleh meneruskannya dengan lebih lanjut. Pola aktiviti elektrik otak berkorelasi dengan lima kategori struktur yang dinyatakan: satu tidak

menyimpang, dan empat jenis yang menyimpang. Tetapi kajian kategori-kategori ini juga merupakan kajian tentang otak, keadaannya dan sifat-sifatnya, sebagaimana kajian tentang algoritma yang terlibat dalam melihat garis lurus atau dalam melaksanakan pembahagian panjang juga merupakan kajian tentang otak. Seperti sistem-sistem kompleks yang lain, otak dapat dikaji pada pelbagai aras: atom, sel, susunan sel, rangkaian neuron, sistem perwakilan komputeran (sistem C-R) dll. Kajian mengenai ERP menghubungkan dua aras sedemikian: aktiviti elektrik otak dan sistem C-R. Kajian setiap aras adalah naturalistik dari segi sifat kerja dan dari segi hakikat bahawa penyepaduan dengan teras sains alamiah ada harapan untuk berjaya. Dalam konteks perbincangan Putnam, penemuan tentang otak pada aras penelitian ini adalah setara dengan penemuan tentang konfigurasi C (yang dibayangkan), apabila Peter memikirkan *cats*.

Dalam kes bahasa, teori-teori C-R mempunyai sokongan empiris yang lebih kukuh berbanding dengan apa yang ada pada aras lain, dan kuasa penjelasannya jauh lebih baik; ia termasuk dalam sains alamiah sejauh yang penelitian “pertuturan bahasa” pada aras lain tidak. Malah, kepentingan semasa kajian ERP terletak terutamanya pada korelasi dengan teori-teori C-R yang asasnya jauh lebih kaya dan kukuh. Dalam teori C-R, lima kategori itu mempunyai tempat masing-masing dan, justeru, ia memperoleh sokongan empiris yang pelbagai dan meluas secara tidak langsung; terasing daripada teori C-R, cerapan ERP hanyalah sekadar perasaan ingin tahu, tanpa matriks teoretis. Secara serupa, penemuan bahawa C berhubung kait dengan penggunaan *cat* akan, sebagai hakikat berasingan, lebih merupakan penemuan tentang C berbanding tentang makna *cat* – dan kerana alasan itu semata-mata ia dapat memberikan sedikit sinar penjelasan terhadap kontroversi tentang robot yang dikawal dari Marikh. Contoh yang lain, penemuan sesaran persepsi klik terhadap sempadan frasa, buat masa sekarang, lebih merupakan suatu penemuan tentang kesahihan eksperimen daripada tentang sempadan frasa. Sebabnya ialah bukti tentang jenis lain sempadan frasa – kadangkala disebut bukti “linguistik” berbanding bukti “psikologikal” (suatu istilah yang sangat mengelirukan) – adalah jauh lebih meyakinkan dan terangkai dalam struktur penjelasan yang lebih hebat. Andainya eksperimen klik didapati cukup andal dalam mengenal pasti entiti yang dipostulatkan dalam teori-teori C-R, dan jika kerangka teoretis masing-masing diperdalam, kita mungkin dapat mengandaikannya dalam kes yang “bukti linguistiknya” tidak jelas; mungkin lebih lagi, semakin penelitian berlanjutan. (Untuk beberapa salah faham tentang perkara ini sila lihat Bab 3 buku “*New Horizons in the Study of Language and Mind*”; Chomsky, 1991a; 1991b).

Buat masa ini, teori naturalistik bahasa yang berasas paling kukuh ialah teori-teori C-R. Kita mengandaikan, pada dasarnya berasaskan kepercayaan semata-mata, bahawa suatu jenis huraian dalam erti kata atom dan molekul, walaupun tanpa mengharapkan prinsip dan struktur operasian bahasa dan pemikiran dapat dikenal pasti pada aras ini. Dengan keyakinan yang lebih kuat, kita cenderung untuk mengandaikan terdapatnya huraian dari segi neurologikal (bukannya, katakan, dari segi glial atau vaskular, walaupun penelitian otak turut memperlihatkan sel glial dan darah selain neuron).² Ada kemungkinan juga unsur dan prinsip yang relevan bagi struktur otak belum lagi ditemui. Mungkin teori C-R akan menyediakan garis panduan untuk pencarian mekanisme sedemikian, sebagaimana kimia kurun ke-19 menyediakan suasana empiris yang penting untuk revisi radikal fizik asasi. Slogan lazim bahawa “yang mental merupakan yang neurofisiologikal pada aras yang lebih tinggi” – dengan teori C-R terkandung dalam “yang mental” – merupakan sesuatu yang songsang. Hal ini seharusnya disusun semula sebagai spekulasi bahawa yang neurofisiologikal mungkin akan didapati sebagai “yang mental pada aras yang lebih rendah” – yakni, spekulasi bahawa neurofisiologi mungkin, suatu hari nanti, terbukti ada kaitannya dengan “fenomena mental” yang digarap dalam teori-teori C-R. Bagi dakwaan selanjutnya tentang materialisme eliminatif, doktrin itu kekal sebagai misteri sehinggalah sesuatu penjelasan diajukan tentang sifat “bahan”; dan dengan adanya penjelasan sedemikian, sesuatu sebab perlu diberikan untuk kita memandang serius atau mengambil berat tentang adanya teori-teori yang berjaya melewati batas yang disyaratkan.

Buat masa ini, pendekatan C-R memberikan huraian naturalistik yang paling berasas dan lumayan tentang aspek-aspek asas penggunaan bahasa. Dalam lingkungan teori-teori ini, terdapat suatu konsep asasi yang menyerupai tanggapan akaliah “bahasa”: *prosedur generatif* yang membentuk *huraian struktural* (HS), dengan setiap satunya berupa kompleks sifat-sifat fonetik, semantik, dan struktural. Kita namakan prosedur ini *bahasa-I*, suatu istilah yang dipilih untuk menandakan bahawa konsepsi bahasa ini adalah internal, individual, dan intensional (sehinggakan *bahasa-I* yang berbeza mungkin, pada prinsipnya, menjanakan perangkat HS yang sama, walaupun sifat semula jadi kemampuan berbahasa yang sangat mengehad mungkin menyebabkan kemungkinan ini tidak terealisasi). Kita boleh menganggap ungkapan linguistik sesuatu bahasa-I sebagai HS yang dijanakannya. Oleh itu, ungkapan linguistik, merupakan suatu kompleks sifat fonetik, semantik, dan sifat-sifat lain. Dengan adanya bahasa-I bermakna dipunyai “cara untuk bertutur dan memahami”, yang merupakan

suatu gambaran tradisional tentang bahasa. Ada sebab untuk mempercayai bahawa bahasa-I (“kecekapan nahuan”) berbeza daripada organisasi konsepsi dan “kecekapan pragmatik”, dan bahawasanya sistem-sistem ini dapat secara terpilih rosak dan terpisah pembentukannya (lihat Yamada, 1990; John Marshall 1990).

Bahasa-I menentukan bentuk dan makna unsur-unsur leksikal seperti *desk*, *work*, dan *fall*, setakat unsur-unsur ini ditentukan oleh kemampuan bahasa itu sendiri. Secara serupa, ia sepatutnya dapat menjelaskan sifat ungkapan yang lebih kompleks: sebagai contoh, hakikat bahawa “*John rudely departed*” mungkin bermaksud sama ada dia beredar secara tidak sopan atau tidak sopan baginya untuk beredar, dan bahawa, dalam kedua-dua kes, dia beredar (mungkin semantik peristiwa perlu dipostulatkan sebagai suatu aras perwakilan untuk menangani hakikat sedemikian; lihat Higginbotham, 1985; 1989). Dan ia harus dapat menerangkan hakikat bahawa subjek yang difahami bagi *expect* dalam contoh (1) bergantung pada sama ada *X* itu nol atau *Bill*, dengan pelbagai akibat semantik yang lain:

- (1) John is too clever to expect anyone to talk to *X*.

Dan ia juga dapat menjelaskan hakikat bahawa, dalam pertuturan saya, *ladder* berima dengan *matter* tetapi *madder* tidak. Dalam banyak kes sedemikian, huraian yang bermakna akan muncul. Kajian mengenai sistem C-R bukan sedikit memberikan ilham tentang bagaimana manusia mengungkapkan pemikiran mereka dan mentafsirkan apa yang didengar oleh mereka, walaupun tentu sekali ia sekadar – dan sedapatnya – kajian tentang tindakan-tindakan ini sebagaimana fisiologi dan psikologi penglihatan merupakan kajian tentang manusia melihat objek.

Penelitian lebih mendalam tentang bahasa-I akan berusaha untuk menghuraikan hakikat bahawa Peter mempunyai bahasa-I B_p manakala Juan mempunyai bahasa-I B_j – dengan kenyataan ini berupa abstrakan aras tinggi, kerana pada realitinya apa yang berlaku dalam kepala Peter dan Juan sama menariknya, dari sudut penelitian naturalistik, dengan pergerakan bulu burung yang ditiup angin. Penjelasan asas tentunya berada dalam sifat-sifat fakulti bahasa otak. Pada hampiran terbaik, keadaan mula yang ditentukan genetik bagi fakulti bahasa adalah sama untuk Peter, Juan dan manusia lain. Ia hanya membenarkan varieti terhadap bahasa-I untuk berkembang di bawah pengaruh kesan cetusan dan bentuk pengalaman. Berdasarkan kefahaman mutakhir, spekulasi bahawa keadaan mula menentukan

sistem komputeran bahasa secara unik wajar dibuat, bersama-sama julat kemungkinan leksikal yang amat berstruktur dan beberapa pilihan di kalangan “unsur nahuan” yang kekurangan kandungan substantif. Melewati batas kemungkinan ini, variasi bahasa-I mungkin mengurangkan kearbitrarian Saussurean (asosiasi konsep dengan perwakilan abstrak bunyi) dan bahagian-bahagian sistem bunyi, secara relatif boleh dicapai dan, justeru, “boleh dipelajari” (menggunakan istilah dengan konotasi yang boleh disalahertikan). Perbezaan yang kecil dalam suatu sistem yang rumit mungkin, tentunya, menghasilkan perbezaan fenomena yang besar, tetapi ahli sains Marikh yang rasional yang mengkaji manusia mungkin mendapati perbezaan di antara bahasa Inggeris dengan Navajo tidaklah terlalu mengagumkan.

Bahasa-I merupakan sifat (dihuraikan secara sempit) otak, suatu unsur yang agak stabil bagi keadaan peralihan fakulti bahasa. Setiap ungkapan linguistik (HS) yang dijanakan oleh bahasa-I terangkum arahan untuk sistem lakuan sedemikian yang bahasa-I tertanam. Hanya disebabkan penyepaduan ke dalam sistem lakuan sedemikian keadaan otak ini layak dianggap sebagai bahasa. Organisma lain mungkin, pada dasarnya, mempunyai bahasa-I yang sama (keadaan otak) seperti Peter, tetapi tertanam dalam sistem lakuan yang digunakan dalam gerak alih. Kita mengkaji objek sebenar, iaitu fakulti bahasa otak, yang telah mendapat bentuk bahasa-I penuh dan tersepadu ke dalam sistem lakuan yang memainkan peranan dalam artikulasi, tafsiran, pengungkapan kepercayaan dan keinginan, merujuk, bercerita, dan seterusnya. Atas alasan inilah, topiknya ialah kajian tentang bahasa manusia.

Sistem lakuan nampaknya tergolong dalam dua jenis umum: artikulatori-perseptual, dan konseptual-intensional.³ Jika demikian, wajar diandaikan bahawa ungkapan yang terjana merangkumi dua *aras antara muka*, yang satu menyediakan maklumat dan arahan untuk sistem artikulatori-perseptual, yang satu lagi untuk sistem konseptual-intensional. Satu antara muka umumnya dianggap sebagai perwakilan fonetik (Bentuk Fonetik, BF). Sifat bentuk yang satu lagi itu lebih kontroversial; kita namakannya BL (“Bentuk Logikal”).

Sifat sistem-sistem ini, atau kewujudannya, merupakan hakikat empirikal. Kita tidak sepatutnya terkeliru dengan konotasi yang tidak disengajakan pada istilah seperti “bentuk logikal” dan “perwakilan”, yang berasaskan penggunaan teknikal dalam jenis penelitian yang berbeza. Secara serupa, walaupun terdapat sedikit bayangan tentang tanggapan “tatabahasa dalaman” dan “tatabahasa permukaan” analisis falsafah, konsep-konsepnya tidak sepadan sepenuhnya. Apa yang dianggap “permukaan” dari sudut

pandangan bahasa-I, walaupun ada, ialah BF, iaitu antara muka sistem artikulatori-perseptual. Yang selainnya adalah “dalaman”. Tatabahasa permukaan analisis berfalsafah tiada status khusus dalam kajian empirikal bahasa; ia sesuatu yang seperti penentuan fenomena, yang diperantarakan oleh pendidikan, wibawa dan kelaziman tradisional, artifak budaya, dan sebagainya. Persoalan yang serupa juga timbul sehubungan dengan apa yang diistilahkan, secara mudah, “psikologi rakyat,” seperti yang diperkatakan terdahulu. Kita harus berhati-hati dengan tanggapan sebegini: banyak yang mungkin tersembunyi di sebalik kejelasan fenomena yang ketara.

Kompleks bahasa-I dan sistem lakuan terangkum dalam tindakan manusia. Ia suatu subjek yang sesuai untuk teori naturalistik, yang mungkin akan banyak menjelaskan kita bagaimana dan mengapa manusia melakukan apa yang dilakukan oleh mereka, walaupun sering kali tidak dapat memberikan huraian sepenuhnya, sepertimana teori naturalistik badan manusia akan gagal untuk menghuraikan sepenuhnya tindakan atau kemampuan manusia untuk melihat pokok atau berjalan-jalan.

Secara sepadannya, agak mengelirukan, malah lebih teruk lagi, untuk mengatakan ada sebahagian otak atau model abstraknya (sebagai contoh, jaringan neural atau komputer yang diprogramkan) yang melihat sebatang pokok atau menyelesaikan punca kuasa dua. Manusia dalam julat taksa situasi piawai menyebut perkataan, merujuk kepada kucing, mengungkapkan fikiran mereka, memahami apa yang diperkatakan orang lain, bermain catur, atau apa sahaja; bukannya otak mereka dan bukannya program komputer – walaupun kajian tentang otak, mungkin dengan pemodelan abstrak sesetengah sifatnya, dapat memberikan ilham terhadap apa yang dilakukan manusia semasa kes-kes sedemikian. Suatu algoritma yang dibina dengan teori C-R mungkin memberikan huraian sebenar tentang apa yang berlaku dalam otak apabila Peter melihat suatu garis lurus atau melakukan pembahagian panjang atau “memahami bahasa Cina”,⁴ dan mungkin disepadukan sepenuhnya menjadi suatu teori yang kukuh asasnya pada suatu aras penjelasan yang lain (katakan, pada aras sel). Tetapi algoritma itu, atau mesin yang melaksanakannya, tidak melaksanakan tindakan ini, walaupun kita mungkin memutuskan sesuatu untuk mengubahsuaikan penggunaan yang sedia ada, seperti apabila kita mengatakan bahawa kapal terbang terbang dan kapal selam berlayar (tetapi tidak berenang). Tiada sesuatu yang bererti dipertaruhkan di sini. Begitu juga, sementara manusia mungkin melakukan tindakan ini berdasarkan hakikat bahawa otak mereka melaksanakan algoritma itu, orang yang sama tidak akan melakukan

tindakan ini sekiranya mereka melaksanakan arahan tersebut secara mekanikal, dengan cara sebuah mesin (ataupun dengan cara otak mereka). Mungkin saya ada terlihat garis lurus (atau membuat pembahagian panjang, memahami bahasa Inggeris, dsbnya) berdasarkan hakikat bahawa otak saya melaksanakan algoritma tertentu; tetapi sekiranya saya, orang tersebut, menjalankan arahan secara mekanikal, memetakan suatu perwakilan simbol tertentu input pada perwakilan sesuatu output, bukan saya mahupun saya-tambah-algoritma-tambah-memori luaran yang melihat garis lurus (dsbnya), sekali lagi, kerana alasan yang tidak menarik.⁵

Ia mungkin juga suatu kesilapan, dalam mempertimbangkan sistem lakuan, untuk langsung beralih kepada “kajian semua hal” yang tidak bererti. Sebagai contoh, pertimbangkan perbincangan Donald Davidson tentang Peter sebagai “pentafsir”, yang mencuba untuk memahami apa yang dimaksudkan oleh Tom dengan percakapannya. Davidson mendapati bahawa Peter mungkin menggunakan apa sahaja maklumat, andaian latar, tekaan, atau apa sahaja, untuk membina suatu “teori semasa” untuk peristiwa itu. Pertimbangan “pentafsir” justeru membawa kita kepada model lengkap organisasi fungsian manusia. Davidson merumuskan bahawa tiada gunanya “konsep sesuatu bahasa” bertindak sebagai “mesin pentafsir mudah alih yang sedia untuk mengeluarkan makna suatu ujaran arbitrari”; kita diminta “*abandon ... not only the ordinary notion of a language, but we have erased the boundary between knowing a language and knowing our way around in the world generally.*” Oleh sebab “*there are no rules for arriving at passing theories*” kita “*must give up the ideas of a clearly defined shared structure which language-users acquire and then apply to cases* (Davidson) 1986b: 446). “*There is no such thing as a language*” demikian bermulanya sebuah kajian tentang falsafah Davidson, dengan sokongan beliau sendiri (Davidson, 1986b; Ramberg, 1989).

Cerapan awal tentang “teori semasa” adalah benar, tetapi kesimpulannya tidak. Gerak balas yang wajar terhadap cerapan tersebut – jika matlamat kita adalah untuk memahami apakah manusia dan apakah yang dibuat oleh mereka – adalah untuk mencuba mengasingkan sistem-sistem koheren yang cenderung terhadap penelitian naturalistik dan yang berinteraksi untuk menghasilkan aspek-aspek tertentu kekompleksan lengkap. Jika kita mengikut laluan ini, kita dibawa kepada andaian bahawa terdapat prosedur generatif yang “mengisar keluar” ungkapan linguistik dengan sifat-sifat antara mukanya, dan sistem-sistem lakuan yang mencapai arahan ini dan digunakan untuk mentafsirkan dan mengungkapkan pemikiran seseorang.

Bagaimana dengan “idea bagi struktur kongsi yang jelas ditakrifkan

pengguna-bahasa memperoleh dan kemudiannya menerapkannya pada kes-kes tertentu?" Perlukah kita turut membuat postulat wujudnya "struktur kongsian" sedemikian, selain bahasa-I dan sistem lakuan? Sering kali juga diujahkan bahawa idea "bahasa awam" atau "makna awam" sepunya diperlukan untuk menerangkan kemungkinan berlakunya komunikasi atau suatu "*common treasure of thought*," dalam pengertian Gottlob Frege (Frege, 1892/1965:71). Oleh itu, jika Peter dan Mary tidak mempunyai "bahasa kongsian", dengan "makna kongsian" dan "rujukan kongsian," maka bagaimanakah Peter dapat memahami apa yang diperkatakan oleh Mary? (Yang menariknya, tiada sesiapa pun membuat kesimpulan yang serupa tentang "sebutan awam.") Sebuah kajian terbaru berpendapat bahawa ahli linguistik boleh menerima pakai perspektif bahasa-I hanya "dengan menafikan bahawa fungsi asas bahasa tabii adalah untuk mengantarakan komunikasi di antara penutur-penuturnya," termasuklah masalah "komunikasi antara *time slices of an idiolect*" (apa yang dikatakan "*incremental learning*"; Fodor dan Lepore, 1992).⁶

Akan tetapi pandangan-pandangan ini tidak kukuh asasnya. Komunikasi yang berjaya di antara Peter dengan Mary tidak bererti wujudnya makna kongsian atau sebutan kongsian dalam bahasa awam (atau khazanah sepunya fikiran atau pengungkapannya), sebagaimana persamaan fizikal di antara Peter dengan Mary tidak bererti wujudnya bentuk awam yang dikongsi oleh mereka bersama. Bagi idea bahawa "fungsi asas bahasa tabii adalah untuk mengantarakan komunikasi," tidak jelas pengertian apa yang boleh diberikan kepada idea mutlak "fungsi asas" bagi mana-mana sistem biologi; dan jika masalah ini dapat diatasi, kita bertanya mengapakah "komunikasi" itu "fungsi asas." Lagi pula, masalah peralihan nampaknya tidaklah semisterius masalah bagaimana Peter boleh menjadi sepertimana dirinya itu, dengan mengambil kira peringkat-peringkat yang telah dilaluinya. Bukan sahaja perspektif bahasa-I bersesuaian dengan masalah yang dihadapi, malah tidak mudah untuk membayangkan suatu alternatif yang koheren.

Mungkin juga semasa dia mendengar Mary bercakap, Peter meneruskan dengan mengandaikan bahawa Mary adalah sama sepertinya, modulo M, suatu susunan ubahsuaian yang dia perlu selesaikan. Kadangkala tugas itu mudah, kadangkala susah, kadangkala tiada upaya langsung. Untuk menyelesaikan M, Peter akan menggunakan mana-mana kemahiran yang ada padanya, meskipun sebahagian besar proses ini tentunya automatik dan tidak refleksif.⁷ Setelah selesai menentukan M, Peter akan, secara serupa, menggunakan sebarang kemahiran untuk membina "teori semasa" – walaupun M itu nol. Setakat yang berjaya dilakukan oleh Peter, dia

memahami apa yang diucapkan oleh Mary sebagai apa yang dimaksudkannya berdasarkan ungkapan setandingnya. (Sesungguhnya) satu-satunya “struktur kongsi” dalam kalangan manusia umumnya ialah keadaan mula fakulti bahasa. Melewati itu, yang akan kita temui hanyalah hampiran, sepertimana kes objek-objek alamiah lain yang tumbuh dan berkembang.

Perbincangan bahasa dan penggunaan bahasa sering kali memperkenalkan jenis struktur kongsi yang lain: komuniti dengan bahasa masing-masing, bahasa sepunya yang merentasi suatu budaya yang lebih luas, dan sebagainya. Amalan sedemikian adalah biasa dalam wacana santai juga. Oleh itu, kita katakan bahawa Peter dan Tom bertutur bahasa yang sama, tetapi Juan bertutur bahasa yang berbeza. Begitu juga, kita katakan Boston dekat dengan New York, tetapi tidak dekat dengan London, atau Peter dan Tom kelihatan serupa, tetapi tidak satu pun di antara mereka menyerupai John. Atau, kita mungkin menolak mana-mana kenyataan ini. Tidak terdapat pilihan yang salah atau betul dalam pengabstrakan daripada pendekatan yang mungkin berbeza-beza dalam apa jua bentuk yang terbayangkan. Selain itu, kategori-kategori alamiah juga tiada, begitu juga unggulan. Dalam hal ini, bertutur bahasa yang sama adalah setara dengan berada berhampiran atau kelihatan serupa. Suatu kenyataan yang biasa didengar dalam kursus linguistik peringkat ijazah pertama ialah ungkapan Max Weinreich yang mengatakan bahasa ialah suatu dialek yang mempunyai angkatan darat dan angkatan laut, tetapi dialek juga merupakan tanggapan bukan linguistik, yang dapat dilihat dengan pelbagai cara, tergantung pada kecenderungan dan keprihatinan masing-masing. Faktor seperti penaklukan, rintangan semula jadi (lautan, gunung-ganang), siaran TV nasional, dsbnya mungkin mengaruhkan ilusi tentang perkara ini, tetapi tiada idea tentang “bahasa sepunya” telah dirumuskan dengan cara yang berfaedah atau koheren, dan kemungkinan untuk berbuat demikian pada masa hadapan juga tidak cerah. Mana-mana pendekatan terhadap kajian bahasa atau makna yang mengandalkan tanggapan sedemikian harus dicurigai.

Andaikan, sebagai contoh, bahawa “mengikut peraturan” dianalisis dari sudut masyarakat: Jones mengikut peraturan jika dia akur terhadap amalan atau norma komuniti. Jika “komuniti” itu homogenus, rujukan terhadapnya tidak menyumbangkan apa-apa (tanggapan *norm*, *practice*, *convention*, dll. membangkitkan persoalan lanjut). Jika “komuniti” itu heterogenus – selain tanggapan norma (amalan, dll.) yang semakin tidak jelas untuk kes ini – sebilangan masalah juga timbul. Satu daripadanya ialah analisis yang dicadangkan itu tidak tepat secara deskriptif. Secara tipikal, kita mengumpukkan pematuhan peraturan dalam kes ketara *tiadanya* keakuran

terhadap amalan preskriptif atau norma kononan. Oleh itu, kita mungkin mengatakan bahawa Johnny, yang berumur tiga tahun, mengikut peraturannya sendiri apabila dia berkata *brang* dan bukannya *brought*; ataupun ayahnya Peter mengikut “peraturan yang salah” (“melanggar peraturan”) apabila dia menggunakan *disinterested* dengan makna *uninterested* (seperti yang digunakan ramai). Tetapi hanya ahli linguistik yang akan mengatakan bahawa Johnny dan Peter mematuhi Syarat (T) Teori Tambatan (Chomsky, 1981a: 88), sebagaimana “komuniti” umumnya (malah, kemungkinan besar komuniti semua pertutur bahasa). Bangkangan yang lebih serius ialah tanggapan “komuniti” atau “bahasa sepunya” sama masuk akalinya seperti tanggapan “bandar berdekatan” atau “kelihatan serupa,” tanpa spesifikasi pertimbangan selanjutnya, lalu menjadikan analisis itu tidak bermakna.⁸

Atas alasan yang sedia dimaklumkan, tiada apa-apa dalam hal ini yang mencadangkan bahawa terdapat sebarang masalah dalam penggunaan tidak formal, sebagaimana tiadanya masalah dalam penggunaan biasa ungkapan seperti *Boston is near New York* atau *John is almost home*. Hanya kita tidak menjangkakan idea sedemikian terangkum dalam wacana teoretis penjelasan. Ia mungkin sesuai untuk perbincangan tidak formal tentang apa yang dilakukan oleh manusia, dengan andaian yang diterima tentang jenis tanggapan yang mendasari wacana biasa dalam keadaan tertentu; atau untuk wacana teknikai pun, asalkan penyesuaian yang relevan diterima pakai. Tanggapan ini tiada peranan selanjutnya dalam penelitian naturalistik, atau dalam sebarang usaha untuk menajamkan kefahaman.

Faktor sosial yang dikatakan berpengaruh dalam penggunaan bahasa selalunya mempunyai tafsiran individualis-internalis semula jadi. Jika Peter memperbaiki bahasa Italinya atau Gianni sedang mempelajarinya, mereka (dengan cara yang agak berbeza) menjadi lebih seperti pelbagai jenis manusia; kedua-dua ragam hampiran dan pemilihan model berbeza-beza mengikut minat kita. Kita tidak memperoleh sebarang ilham tentang apa yang dilakukan oleh mereka dengan mengandaikan bahawa terdapatnya suatu entiti yang semakin dihampiri oleh mereka, walaupun tanggapan misterius ini dapat difahami sedikit. Jika Bert mengadu tentang artritis di pergelangan kaki dan pahanya, dan dia diberitahu oleh dokternya bahawa dia tersilap tentang kedua-duanya, tetapi dengan cara yang berlainan, dia mungkin (atau mungkin tidak) memilih sesuatu untuk mengubahsuai penggunaannya mengikut penggunaan doktor itu. Selain perincian lanjut, yang mungkin berbeza benar mengikut kontigensi dan tumpuan yang berubah, tiada apa-apa yang kelihatan kurang daripada huraian ini. Demikian juga, perbualan biasa tentang sama ada seseorang itu telah menguasai

sesuatu konsep tidak memerlukan tanggapan tentang bahasa sepunya. Untuk mengatakan bahawa Bert tidak menguasai konsep *arthritis* atau *flu* hanyalah sekadar mengatakan bahawa penggunaannya tidak seperti penggunaan orang yang kita harapkan untuk mengubati kita – satu situasi yang biasa. Jika jiran saya Bert memberitahu saya tentang artritisnya, anggapan awal saya ialah penggunaannya sama dengan penggunaan saya. Saya akan mengubahsuai untuk mentafsirkannya mengikut keperluan; rujukan terhadap “bahasa awam” yang diandaikan dengan “kandungan sebenar” untuk *arthritis* tidak memberikan penjelasan tentang apa yang berlaku di antara kami, walaupun tanggapan yang diterima pakai itu dapat diberikan penjelasan. Jika saya tidak tahu apa-apa tentang pokok *elm* dan *beech* selain hakikat bahawa kedua-duanya pohon luruh yang besar, tiada maklumat lain yang mungkin dilambangkan dalam leksikon mental saya (mungkin itu pun tidak, seperti yang dinyatakan terdahulu); perbezaan yang difahami dalam sifat rujukan mungkin akibat syarat wajar leksikon umumnya: tiadanya tanda hubungan semantik dianggap sebagai ia tidak wajar.⁹

Persoalan masih ada – persoalan fakta, saya andaikan – tentang jenis maklumat apakah yang ada dalam leksikon, yang berbeza daripada sistem kepercayaan. Perubahan penggunaan, seperti dalam kes-kes terdahulu, mungkin pada hakikatnya merupakan perubahan kecil bahasa-I, atau perubahan dalam sistem kepercayaan, di sini dianggap (dihuraikan secara sempit) sebagai sistem C-R minda, yang memperkaya perspektif dan sudut pandangan fikiran, tafsiran, penggunaan bahasa dan tindakan-tindakan lain (namakannya *sistem kepercayaan-I*, suatu sepadanan bagi kepercayaan yang mungkin ditemui dalam penelitian naturalistik). Kajian dalam semantik leksikal menyediakan dasar untuk penyelesaian empiris dalam sesetengah kes (terutamanya dalam sistem verbal, dengan struktur relasionalnya yang kaya), dengan mengekalkan rangka kerja individualis-internalis.

Hanya sedikit yang difahami tentang seni bina umum minda/otak selain dalam beberapa bidang yang berasingan, secara tipikal bukan bidang yang tumpuan pertimbangan umumnya “sains kognitif”. Sebagai contoh, ada banyak perbincangan yang menarik tentang teori kepercayaan dan peranannya yang mungkin dalam menerangkan fikiran dan tindakan. Namun, tidak banyak kajian empiris substantif yang mungkin dapat membantu meneliti, menghalusi, atau menguji idea-idea ini. Adalah wajar sekurang-kurangnya diandaikan bahawa kepercayaan-I tidak membentuk perangkat yang homogenus; sistem itu mempunyai struktur lanjut yang mungkin menyediakan bahan untuk membuat keputusan tentang kepercayaan palsu dan salah pengenalpastian. Andainya sesetengah kepercayaan-I adalah keper-

cayaan *pengenalpastian* dan yang lainnya bukan, ataupun tersusun mengikut suatu spektrum, dengan yang terkemudian (atau yang kurang penting) lebih mudah diabaikan tanpa memberikan kesan terhadap syarat rujukan. Andainya, katakan, bahawa maklumat Peter tentang Martin van Buren ditutasi dengan kepercayaan bahawa beliau ialah (1) Presiden Amerika Syarikat dan (2) Presiden ke-16, dengan (1) lebih merupakan kepercayaan pengenalpastian berbanding (2). Jika Peter mengetahui bahawa Lincoln merupakan Presiden ke-16 dia mungkin akan melepaskan kepercayaan-I yang tidak mengenal pasti sementara menggunakan istilah itu untuk tujuan rujukan. Jika dia diberikan maklumat yang sangat layak dipercayai bahawa semua buku sejarah adalah salah dan van Buren bukanlah Presiden pun, dia akan tidak ketahuan. Itu nampaknya langkah pertama yang wajar ke arah suatu analisis yang perspektif internalis dapat sediakan, dan setakat yang jelas pada hakikatnya. Penentuan selanjutnya kadangkala boleh dibuat dalam keadaan tertentu, dengan cara yang pelbagai dan bercanggahan.¹⁰

Ia mungkin suatu jenis sifat awam (atau interpersonal) bagi fikiran dan makna terhasil daripada keseragaman pemberian mula, yang mengizinkan hanya bahasa-I yang serupa dalam hal-hal yang bererti, justeru memberikan alasan empirikal tertentu untuk menerima pakai versi tertentu doktrin Fregean bahawasanya “*it cannot well be denied that mankind possesses a common treasure of thoughts which is transmitted from generation to generation*” (Frege, 1892/1965: 71). Dan binaan istimewa fakulti pembentukan sains mungkin juga hampir kepada sifat awam (lebih khusus lagi, bagi pertimbangan tertentu Frege). Tetapi bagi sistem yang tumbuh secara semula jadi dalam minda, selain pencetusan pemberian mula sebagai bahasa-I (mungkin juga kepercayaan-I dan sistem-sistem berkaitan), ciri fikiran dan makna berubah dengan berubahnya minat dan keadaan, tanpa cara yang jelas untuk menentukan kategori-kategori selanjutnya, walaupun secara ideal. Penggunaan asal sepunya bahasa atau spekulasi tentang pilihan semula jadi, yang banyak ditemui dalam kepustakaan, bukanlah persoalannya.

Pertimbangkan keadaan permulaan terkongsi fakulti bahasa otak, dan julat terhad bahasa-I yang boleh dicapai semasa ia berkembang pada awal hayat. Apabila kita meneliti ciri-ciri leksikal, kita menemui tekstur yang kaya yang semata-mata semantik internalis, dengan sifat-sifat umum yang menarik, dan bukti bagi hubungan semantik formal (termasuk kaitan analitik; lihat rujukan pada hlm. 487). Tambahan pula, sebahagian besar struktur semantik ini nampaknya terbit daripada sifat dalaman kita, ditentukan oleh keadaan mula fakulti bahasa kita, dan tidak dipelajari dan sejagat bagi bahasa-I. Perkara yang sama juga benar bagi fonetik dan sifat-sifat lain.

Ringkasnya, bahasa-I (termasuk semantik internalis) kelihatan agak sama seperti bahagian lain alam biologi.

Kita mungkin mengistilahkan semua ini sebagai suatu bentuk sintaksis, iaitu, kajian sistem simbol teori-teori C-R ("perwakilan mental"). Peristilahan yang sama kekal wajar sekiranya radas teoretis diperluas untuk merangkumi model mental, perwakilan wacana, nilai semantik, alam yang mungkin sebagaimana yang biasa ditafsirkan, dan binaan teoretis lain yang masih perlu berkaitan dalam apa jua cara dengan benda-benda di dunia; atau kepada entiti-entiti yang dipostulatkan oleh fakulti pembentukan sains kita, atau dibina oleh fakulti-fakulti lain otak.

Sifat tertentu secara dalaman ungkapan linguistik luas pengaruhnya, walaupun dalam kes yang mudah. Perhatikan sekali lagi perkataan *house*, katakan, dalam ungkapan *John is painting the house brown*, suatu himpunan tertentu sifat struktural, fonetik dan semantik. Kita katakan ini ungkapan yang sama bagi Peter dan Tom hanyalah dalam erti kata bahawa sistem peredaran darah dan penglihatan mereka adalah sama: ia cukup serupa untuk tujuan ini. Satu sifat struktural ungkapan ini ialah terdiri daripada enam perkataan. Sifat struktural yang lain membezakannya daripada *John is painting the brown house*, yang justeru, mempunyai syarat penggunaan yang berbeza. Satu sifat fonetiknya adalah bahawa dua perkataan terakhir, *house* dan *brown*, berkongsi vokal yang sama; kedua-duanya berada dalam hubungan formal asonansi, manakala *house* dan *mouse* mempunyai hubungan formal rima, dua hubungan tentang ungkapan linguistik yang boleh ditakrifkan berdasarkan ciri fonologi masing-masing.¹¹ Satu sifat semantik ialah bahawa satu daripada dua perkataan terakhir boleh digunakan untuk merujuk kepada jenis benda tertentu, dan yang satu lagi mengungkapkan sifat-sifat benda itu. Di sini juga, terdapat hubungan formal yang boleh diungkapkan berdasarkan ciri sesuatu butiran, sebagai contoh, antara *house* dan *building*. Walaupun, untuk sifat yang lebih menarik, jika John mengecat rumahnya dengan warna perang, maka dia mengecatkan permukaan luar rumahnya, bukannya permukaan dalam; suatu hubungan entailmen terbentuk di antara ungkapan linguistik yang sepadan.

Dilihat secara formal, hubungan entailmen mempunyai status yang sama dengan rima; ia merupakan hubungan formal di antara ungkapan, yang boleh dicirikan berdasarkan sifat linguistik masing-masing. Ada hubungan tertentu yang menarik, berbeza daripada banyak yang tidak menarik, disebabkan cara bahasa-I tertanam dalam sistem lakuan yang menggunakan arahan ini dalam pelbagai aktiviti manusia.

Sesetengah sifat ungkapan ini adalah sejagat, yang lainnya khusus

bahasa. Ia merupakan sifat fonetik sejagat bahawa vokal *house* lebih pendek berbanding dengan vokal *brown*; ia merupakan sifat khusus bahawasanya vokal dalam bahasa-I saya adalah di hadapan bukannya di tengah, seperti juga halnya dengan bahasa-I yang serupa dengan bahasa-I saya. Hakikat bahawa rumah perang mempunyai dinding luar berwarna perang, bukan dinding dalamnya, nampaknya suatu sejagatan bahasa, yang menakung perkataan “wadah” dengan kategori yang luas, termasuklah yang kita mungkin ciptakan: *box*, *airplane*, *igloo*, *lean-to*, dsbnya. Mengecat sebuah kiub sfera perang bermakna menjadikan dinding luarnya perang. Hakikat bahawa *house* dibezakan daripada *home* merupakan sifat khusus bahasa-I. Dalam bahasa Inggeris, *I return to my home after work*; dalam bahasa Hebrew, *I return to the house*.

Apabila kita beralih melewati struktur leksikal, kesimpulan tentang kayanya keadaan mula fakulti bahasa, dan strukturnya yang ternyata istimewa, diperkukuh. Pertimbangkan ungkapan seperti yang terdapat dalam contoh (2):

- (2) a. He thinks the young man is a genius.
 b. The young man thinks he is a genius.
 c. His mother thinks the young man is a genius.

Dalam (2b) atau (2c), kata ganti nama mungkin tergantung pada *the young man* secara rujukannya; dalam (2a) ia tidak dapat (walaupun ia mungkin digunakan untuk merujuk kepada lelaki muda dalam ungkapan tersebut, yakni sesuatu yang tidak relevan). Prinsip yang mendasari hakikat ini nampaknya sejagat, sekurang-kurangnya pada sebahagian besarnya;¹² sekali lagi, ia menghasilkan syarat yang kaya bagi pentafsiran semantik, bagi hubungan intrinsik makna dalam kalangan ungkapan, termasuk kaitan analitik. Tambahan pula, dalam domain ini kita mempunyai keputusan teoretis yang cukup mendalam, dengan akibat yang memeranjatkan. Justeru, prinsip yang sama nampaknya menghasilkan sifat-sifat semantik ungkapan daripada bentuk contoh (1), pada halaman 492.

Dengan sistem lakuan yang ada, perwakilan pada aras antara muka PF yang berhubung kait mengenakan syarat mengehend terhadap penggunaan (artikulasi dan persepsi, dalam kes ini). Perkara yang sama juga benar bagi perwakilan LF, seperti yang ditunjukkan dalam contoh (1) dan (2), atau pada aras leksikal, dalam status khas bagi permukaan luar bagi perkataan-perkataan wadiah. Penelitian seterusnya menampakkan kerumitan lanjut. Permukaan luaran juga dibezakan dengan cara lain di dalam semantik

bahasa-I. Jika saya melihat rumah itu, saya akan nampak dinding luarnya; melihat dinding dalam tidak memadai. Jika saya berada di dalam kapal terbang, saya hanya akan nampak permukaan luarnya apabila melihat ke luar tingkap dan ternampak permukaan sayapnya, atau jika terdapat cermin di luar yang memantulkan permukaan luarnya. Tetapi rumah bukan sahaja permukaan luarnya, suatu entiti geometrikal. Jika Peter dan Mary sama jauh jaraknya dari permukaan – Peter di dalam dan Mary di luar – Peter bukannya dekat dengan rumah itu, tetapi Mary mungkin, bergantung pada syarat semasa untuk kedekatan. Rumah itu mungkin mempunyai kerusi di dalamnya atau di luarnya, selaras dengan ia dianggap sebagai permukaan. Tetapi sedangkan yang di luar mungkin berada dekat dengan rumah, yang di dalam semestinya tidak. Oleh itu, rumah melibatkan permukaan luar dan dalamnya. Tetapi keadaan dalamnya dikonsepsikan secara abstrak; ia merupakan rumah yang sama jika saya penuhkannya dengan keju atau mengalihkan dinding – walaupun jika saya bersihkan rumah, saya mungkin berinteraksi dengan benda-benda dalam ruang dalaman, dan saya hanya merujuk kepada ini apabila saya katakan rumah ini berselerak dan perlu dihias semula. Rumah ini dikonsepsikan sebagai permukaan luaran dan ruang dalaman (dengan sifat-sifat kompleks). Tentu sekali, rumah itu sendiri merupakan objek yang konkrit; ia boleh dibuat daripada batu bata atau kayu, dan sebuah rumah kayu tidak semestinya mempunyai dinding luar daripada kayu. Sebuah rumah kayu berwarna perang mempunyai dinding luar berwarna perang (mengambil perspektif abstrak) dan dibuat daripada kayu (mengambil perspektif konkrit). Jika *house* saya dahulunya di Philadelphia, tetapi kini di Boston, maka suatu objek fizikal telah dialihkan. Sebagai bandingan, jika *home* saya dahulunya di Philadelphia, dan sekarang di Boston, tiada sebarang objek fizikal yang perlu dialihkan, walaupun *home* saya juga konkrit – walaupun dari sudut yang juga abstrak, sama ada difahami sebagai *house* tempat saya tinggal, atau bandar, atau negara, atau alam semesta; sebuah *house* itu konkrit dalam erti yang berbeza. Perbezaan *house* – *home* mempunyai pelbagai akibatnya: *I can go home*, tetapi tidak *go house*; *I can live in a brown house*, tidak *a brown home*; dalam banyak bahasa, setaraan *home* adalah adverbial, seperti sebahagian dalam bahasa Inggeris juga.

Walaupun dalam contoh mudah ini, kita dapat melihat bahawa syarat dalaman bagi makna adalah kaya, kompleks, dan tidak disangka-sangka; malah, hampir tidak diketahui. Kamus yang paling terperinci tidak mengimpikan kehalusan sebegini; kamus sekadar menyediakan tidak lebih daripada pembayang yang memungkinkan konsep yang dimaksudkan itu dikenal

pasti oleh sesiapa yang sudah mempunyainya (sekurang-kurangnya, dalam hal yang utama). Varian-I teleskop Frege beroperasi dengan aneh dan rumit.

Sekilas pandang nampaknya terdapat sesuatu paradoks dalam huraian ini. Justeru, *house* dan *home* adalah konkrit tetapi, dari sudut pandangan yang lain, ia ditangani secara agak abstrak, walaupun abstrak dari sudut yang berbeza; demikian juga, *books*, *decks of cards*, *cities*, dll. Kita bukannya mempunyai idea yang mengelirukan – atau kepercayaan yang tidak tekal – terhadap *houses* dan *homes*, atau *boxes*, *airplanes*, *igloos*, *spherical cubes*, dll. Malahan, suatu butiran leksikal menyediakan kita dengan julat perspektif tertentu untuk memandang apa yang kita anggap sebagai benda di dunia ini, atau apa yang kita konsepsikan dengan kaedah lain; butiran ini umpama turas atau kanta, yang menyediakan cara untuk melihat sesuatu benda dan memikirkan hasil minda kita. Istilah itu sendiri tidak merujuk, setidaknya-tidaknya jika istilah *refer* digunakan dalam erti bahasa tabii; tetapi orang boleh menggunakannya untuk merujuk kepada sesuatu benda, melihatnya dari sudut pandangan tertentu – yang terasing jauh dari sudut pandangan sains alamiah, sebagaimana yang diperhatikan.

Hal yang sama juga benar tatkala kita meneliti bahasa-I. London bukan suatu fiksyen, tetapi dengan melihatnya sebagai London – yakni, dari perspektif nama bandar raya, jenis tertentu ungkapan linguistik – kita memberikannya sifat yang aneh; seperti dinyatakan terdahulu, kita menerima hakikat bahawa dalam keadaan tertentu, London boleh dimusnahkan sepenuhnya dan dibina semula di tempat lain, bertahun-tahun atau malah beralaf kemudian, ia akan tetap menjadi London, bandar raya yang sama. Charles Dickens menggambarkan Washington sebagai “Bandaraya Hasrat yang Mengagumkan”, dengan “jalan raya yang luas, yang bermula entah di mana, dan tidak berakhir entah ke mana-mana; jalan-jalan, sebatu panjangnya, yang hanya mahukan rumah, jalan dan penghuni; bangunan awam yang memerlukan hanya orangnya untuk menjadi lengkap; dan hiasan jalan-jalan besar yang hebat, yang kurangnya ialah jalan-jalan besar untuk dihiasi” – tetapi masih tetap Washington. Kita boleh memperkatakan London dengan atau tanpa perhatian terhadap penduduknya: dari satu segi, ia bandar yang sama walaupun ditinggalkan penduduknya; dari sudut lain, kita boleh mengatakan bahawa London terasa lebih perit sepanjang zaman Thatcher, suatu komentar terhadap bagaimana manusia bertindak dan hidup. Merujuk kepada London, kita mungkin bercakap tentang sesuatu lokasi atau kawasan, orang yang kadangkala tinggal di sana, udaranya (tetapi tidak terlalu tinggi), bangunan, institusi, dll., dalam pelbagai kombinasi (seperti dalam *London is so unhappy, ugly, and polluted that it should be destroyed and rebuilt*

100 miles away, tetapi masih tetap bandar yang sama). Istilah seperti *London* digunakan untuk bercakap tentang dunia sebenar, tetapi tidak wujud atau dipercayai wujud benda-dalam-dunia dengan sifat-sifat modus rujukan yang terangkum dalam nama sebuah bandar raya. Dua koleksi perspektif sedemikian boleh dipadankan secara berlainan dalam sistem kepercayaan Peter, seperti dalam teka-teki Kripke. (Untuk perbincangan lanjut dari sudut pandangan yang hampir sama, lihat Bilgrami, 1992).

Untuk tujuan penelitian naturalistik, kita membina suatu gambaran dunia yang terasing daripada perspektif “akaliah” (tentu sekali, tidak pernah sepenuhnya; kita tidak boleh menjadi sesuatu yang berlainan daripada diri kita¹³). Jika kita mencampuradukkan cara pemikiran berbeza tentang dunia sedemikian, kita mungkin mengumpukkan sesuatu kepada manusia kepercayaan yang aneh dan malah bercanggahan tentang objek yang perlu dipertimbangkan agak berasingan daripada kaedah yang disediakan oleh bahasa-I dan sistem kepercayaan-I yang menambahkan tekstur selanjut terhadap pentafsiran. Keadaan ini akan nampak lebih mengelirukan jika kita menggunakan idea yang tidak jelas bahawa istilah tertentu mempunyai perkaitan dengan benda (‘rujukan’) yang ditetapkan dalam bahasa awam sepunya, yang mungkin wujud “*independently of any particular speakers,*” yang mempunyai “*partial, or partially erroneous, grasp of language*” (Dummett, 1986); dan bahawasanya “istilah bahasa awam” ini dalam bahasa sepunya merujuk (dalam erti yang akan diterangkan) kepada objek seperti London yang dianggap sebagai benda yang terpisah daripada sifat-sifat yang disediakan oleh nama bandar itu (atau cara penentuan nama tertentu yang lain) dalam bahasa-I tertentu, dan dalam faktor-faktor lain yang terlibat semasa Peter merujuk kepada London. Masalah akan nampak lebih rumit jika kita mengabstrak daripada latar belakang individu atau kepercayaan terkongsi yang mendasari penggunaan bahasa biasa. Kesemua gerakan itu melewati batas pendekatan naturalistik, dan bagi sesetengahnya, mungkin, melewati wacana yang wajar.

Ia juga melewati batas internalis, yang merupakan perkara yang berbeza. Suatu pendekatan naturalistik tidak mengenakan batas internalis, individualis. Oleh itu, jika kita mengkaji (sepadanan tertentu) manusia sebagai fasa-fasa dalam sejarah sel germa yang secara unggulnya fana, atau sebagai tahap-tahap dalam penukaran oksigen kepada karbon dioksida, kita terpesong daripada batas sedemikian. Tetapi andainya kita berminat untuk menjelaskan tindakan manusia, dan mengapa ia berlaku, setakat yang mungkin dilakukannya dengan penelitian naturalistik, hujah untuk kekal dalam batas ini nampaknya meyakinkan.¹⁴

Kita bermula dengan mempertimbangkan penemuan (hipotesis) bahawasanya otak Peter menghasilkan konfigurasi C apabila dia memikirkan *cats*. Kita kemudiannya beralih kepada contoh ERP yang lebih realistik, dan kepada kes sistem C-R yang jauh lebih realistik (dari sudut pandangan saintifik); kita boleh menganggap unsur-unsurnya setara dengan C, tetapi kini kita ada sebab untuk mempercayainya sebagai bentuk sebenar, bukannya hipotesis. Perkara yang sama juga benar bagi pendekatan naturalistik yang menyimpang dari batas-batas internalis ini, dengan melihat otak Peter sebagai sebahagian daripada sistem saling tindakan yang lebih luas. Analoginya tidak lagi terhadap konfigurasi C yang dihasilkan oleh otak Peter apabila dia memikirkan *cats*, tetapi terhadap suatu bentuk konfigurasi fizikal C' yang melibatkan C dan sesuatu yang lain, mungkin sesuatu tentang kucing. Kita kini berada dalam ranah hipotesis – saya tidak tahu akan calon hipotesis yang serius. Tetapi, andaikan pendekatan sedemikian dapat direka cipta dan terbukti membuahkan ilham tentang soalan-soalan penggunaan bahasa. Jika ini benar, ia mungkin mengubah- suai cara kita mengkaji bahasa dan psikologi, tetapi ia tidak dapat merentasi senjang untuk memerikan manusia dan apa yang mereka lakukan.

Kita perlu membezakan di antara naturalisme eksternalis hipotetis daripada jenis yang baru sahaja dilakarkan, dengan eksternalisme bukan naturalis yang berusaha menanggapi tindakan manusia (merujuk kepada atau memikirkan tentang *cats*, dll.) dalam konteks komuniti, benar-benda maujud atau khayali dalam dunia, dan sebagainya. Pendekatan sebegini perlu dinilai berdasarkan merit masing-masing, sebagai usaha untuk menjawab soalan yang melewati batas penelitian naturalistik – seperti soalan tentang tenaga, batu terjatuh, syurga, dsbnya – dalam ertinya yang biasa. Saya telah mengemukakan beberapa sebab mengapa saya skeptikal tentang penggunaan komuniti dan amalannya, atau bahasa awam dengan makna awam. Perhatikan selanjutnya aspek lain eksternalisme, yakni kononnya ada perkaitan di antara perkataan dengan benda.

Dalam semantik internalis, terdapat teori-teori penjelasan yang sangat menarik yang dikembangkan dari segi hubungan *R* (baca “rujuk”) yang dipostulatkan sebagai wujud di antara ungkapan linguistik dengan sesuatu yang lain, yakni entiti yang diambil dari domain *D* yang ditentukan (mungkin nilai-nilai semantik)¹⁵

Hubungan *R*, sebagai contoh, wujud di antara ungkapan *London* (*house*, dll.) dan entiti-entiti *D* yang diandaikan mempunyai hubungan tertentu dengan apa yang dirujuki apabila mereka menggunakan perkataan *London* (*house*, dll.), walaupun mereka menganggap perkaitan ini masih sukar

difahami. Seperti yang dicatatkan, saya berpendapat bahawa teori sedemikian harus dianggap sebagai varieti sintaksis. Unsur-unsur yang dipostulatkannya adalah setara, dari segi yang relevan di sini, dengan perwakilan fonologis atau struktur-frasa, atau konfigurasi otak hipotetis C; kita juga boleh memasukkan D dan R dalam HS (ungkapan linguistik), sebagai sebahagian daripada aras antara muka.

Penjelasan fenomena contoh (2) (pada halaman 502) lazim diungkapkan dari segi hubungan R. Teori-teori tambatan dan anafora turut terbawa tanpa perubahan yang penting jika kita gantikan *young* dalam contoh (2) dengan *average*, *typical*, atau gantikan *young man* dengan *John Doe*, yang ditetapkan sebagai lelaki biasa untuk tujuan wacana tertentu.¹⁶ Teori-teori yang sama turut terbawa kepada sifat-sifat anaforik kata ganti nama dalam contoh (3) dan (4):

- (3) a. It brings good health's rewards.
 b. Good wealth bring its rewards.
 c. Its rewards are what make good health worth striving for.
- (4) a. [There is a flaw in the argument], but it was quickly found.
 b. [The argument is flawed], but it was quickly found.

Dari segi hubungan R, yang ditentukan wujud di antara *the average man*, *John Doe*, *good health*, *flaw*, dan entiti-entiti yang diambil daripada D, kita boleh menjelaskan perilaku bezaan kata ganti nama sama seperti yang kita lakukan dengan *the young man*, *Peter*, *fly* (“there is a fly in the coffee”). Hubungan anafora ini berbeza dalam (4a dan 4b), walaupun tidak terdapat perbezaan yang relevan bagi makna di antara klausa-klausa dalam kurungan. Dan ungkapan ini mungkin akhirnya, bersama-sama dengan yang lain seperti “the argument has a flaw” (dengan pilihan anaforik [4a]), berkongsi sifat struktural yang lebih dalam, malah mungkin berkongsi perwakilan pada aras yang relevan dengan semantik dalaman frasa, suatu kemungkinan yang telah dikaji buat sebilangan tahun (lihat Tremblay 1991).¹⁷ Hal yang sama juga benar bagi kes-kes yang lebih eksotik. Agak aneh kita mencari hubungan di antara entiti dalam D dengan benda-benda – benar, khayalan, atau apa pun – setidak-tidaknya, sesuatu dengan sebarang keitlakan. Kita boleh bayangkan bahawa hubungan unsur-unsur D dengan benda di dunia itu lebih “lut sinar” berbanding dengan kes perwakilan sintaksis yang lain, sebagaimana hubungan dengan gelombang bunyi adalah lebih “lut sinar” bagi fonetik berbanding perwakilan fonologi; walaupun ini benar, kajian

ini tidak melewati sintaksis perwakilan mental. Hubungan *R* dan binaan *D* mestilah diwajarkan pada alasan yang sama yang mewajarkan tanggapan sintaksis teknikal yang lain; yakni, tanggapan fonologi, ataupun tipologi kategori kosong dalam sintaksis. Persamaan yang kadang-kadang terlihat di antara *R* dengan istilah *refer* dalam bahasa biasa tidak lebih bererti daripada keberertian dalam kes *momentum* atau *undecidability*.

Secara khusus, kita tidak mempunyai intuisi tentang *R*, sama seperti keadaannya dengan *momentum* dan *undecidability* dalam erti teknikalnya, atau tentang *c-command* atau *autosegmental* dalam (bahagian lain) teori sintaksis C-R;¹⁸ Makna istilah-istilah tersebut diumpukkan kepadanya. Kita mempunyai penilaian intuitif tentang tanggapan yang digunakan dalam ungkapan seperti *Mary often refers to the young man as a friend (to the average man as John Doe, to good health as life's highest goal)*. Tetapi kita tidak mempunyai intuisi sedemikian tentang hubungan *R* yang wujud di antara *Mary* (atau *the average man, John Doe, good health, flaw*) dengan unsur-unsur yang dipostulatkan dalam *D*. *R* dan *D* merupakan apa yang kita tentukan, dalam rangka kerja penjelasan teoretis. Kita mungkin membandingkan *R* dan *D* dengan *P* dan PF, dengan *P* ialah hubungan yang wujud di antara ungkapan dengan perwakilan PF-nya (di antara “took” dan [tʰuk], mungkin), walaupun dalam kes yang terkemudian konsepnya padan dalam teori hubungan antara muka yang lebih kukuh asasnya dan lebih kaya.

Katakan postulasi *R* dan *D* wajar kerana kejayaan penjelasannya dalam teori-teori C-R bahasa-I, bersama-sama *P* dan PF, *c-command*, dan *autosegmental*. Keputusan itu tidak memberikan apa-apa sokongan terhadap kepercayaan bahawa hubungan bak-*R*, namakannya *R'*, wujud di antara perkataan dan benda, atau benda yang dibayangkan, atau dikonsepsikan dengan cara apa sekalipun. Postulasi suatu hubungan sedemikian mestilah diwajarkan berdasarkan alasan tertentu, seperti juga dalam kes tanggapan teknikal ciptaan yang lain. Dan jika kita mereka cipta suatu hubungan *R'* wujud di antara ungkapan linguistik dengan “benda”, dengan apa cara pun tertanggap, kita tidak akan mempunyai intuisi tentangnya – perkara ini menjadi lebih sukar difahami jika kita turut menggunakan tanggapan yang tidak dapat dijelaskan seperti “komuniti” atau “bahasa awam”, yang digunakan makna mutlak tertentu. Kita memang mempunyai penilaian intuitif berkenaan ungkapan linguistik dan perspektif dan sudut pandangan tertentu yang disajikan untuk tafsiran dan fikiran. Tambahan pula, kita mungkin terus mengkaji bagaimana ungkapan dan perspektif ini terlibat dengan pelbagai tindakan manusia, seperti merujuk. Lebih daripada itu, kita memasuki alam wacana teknikal, yang menafikan kita penilaian intuitif.

Pertimbangkan eksperimen fikiran Bumi Kembar Putnam (Putnam, 1975) yang berpengaruh. Kita tidak mempunyai apa-apa intuisi tentang sama ada istilah *water* mempunyai “rujukan” yang sama untuk Oscar dan kembar Oscar: Itu merupakan soal keputusan tentang istilah teknikal baru “rujukan” (suatu pilihan tertentu untuk R). Kita mempunyai pertimbangan tentang apa Oscar dan kembar Oscar mungkin merujuk kepada, pertimbangan yang nampaknya berubah dengan besarnya apabila keadaan berubah. Dalam keadaan tertentu, cadangan Putnam tentang “cecair yang sama”, suatu tanggapan (mungkin tidak diketahui) sains alamiah, nampaknya sangat munasabah; dalam keadaan yang lain, tanggapan kesamaan atau keserupaan yang diambil daripada kefahaman akaliah nampak lebih sesuai, lalu menghasilkan pertimbangan yang berbeza. Tidak jelas langsung bagi saya bahawa adanya sesuatu yang umum untuk diperkatakan tentang perkara ini, atau bahawa sebarang erti umum atau berguna dapat diberikan kepada tanggapan teknikal seperti “kandungan luas” (atau sebarang tanggapan lain yang menentukan “rujukan”) dalam mana-mana tafsiran eksternalis.

Jika demikian, persoalan timbul tentang status apa yang disebut oleh Putnam, dalam kuliah Locke (Putnam, 1988a: Bab 2), Putnam sebutkan sebagai “kerjasama sosial ditambah sumbangan teori persekitaran *spesifikasi* rujukan,” suatu versi “teori akibat bagi rujukan” yang lebih lengkap dan memadai dalam kertas beliau “The Meaning of ‘Meaning’” (Putnam, 1975) dan karya Saul Kripke *Naming and Necessity* (Kripke, 1972), kedua-duanya kini merupakan mercu tanda dalam bidang ini.

“Kerjasama sosial” ada kaitannya dengan “pembahagian tugas linguistik”: sebagai contoh, peranan pakar dalam menentukan rujukan bagi istilah saya *elm* dan *beech*. Putnam memberikan penjelasan yang meyakinkan untuk keadaan tertentu. Dalam sesetengah keadaan, saya, semestinya, bersetuju bahawa apa yang saya merujuk kepada apabila saya menggunakan istilah *elm* merupakan apa yang dimaksudkan oleh pakar, mungkin tukang kebun berbangsa Itali yang saya hanya berkongsi istilah Latinnya (walaupun tiada erti yang bermakna yang kita ini merupakan sebahagian daripada “komuniti linguistik” atau bertutur “bahasa sepunya”); dalam keadaan yang lain, mungkin tidak, tetapi itu memang dijangkakan dalam penelitian yang mencakupi seluas kesemua “organisasi fungsian manusia”, hampir-hampir kajian tentang semua benda. Seperti yang dinyatakan terdahulu, tidak jelas sama ada soalan itu berhubung dengan bahasa-I atau kepercayaan-I, dengan andaian binaan teoretisnya sah.

Bagi “teori persekitaran”, ia boleh menyumbang kepada spesifikasi rujukan hanya jika terdapat sesuatu tanggapan koheren bagi “rujukan” (R)

yang wujud di antara ungkapan linguistik dengan benda, yang jauh daripada jelas, walaupun orang memang menggunakan ungkapan ini (dalam pelbagai cara) untuk merujuk kepada sesuatu benda, dan menerima pakai perspektif yang disediakan oleh ungkapan ini. Terdapat keadaan apabila kesimpulan tertentu yang biasanya dibuat nampak sesuai, dengan “spesies sama”, “cecair sama”, dll., membantu bagi menentukan apa yang saya merujuk kepada; dan bahawasanya tiada keadaan lain yang ia tidak merujuk kepada.¹⁹

Nampak tidak jelas juga bahawa isu metafizikal timbul dalam konteks ini. Dengan beberapa contoh Kripke, tentunya terdapat perbezaan intuitif di antara pertimbangan bahawasanya Nixon akan menjadi *orang yang sama* jika dia tidak dilantik sebagai Presiden Amerika pada tahun 1968, manakala dia tidak akan menjadi orang yang sama jika dia bukan manusia (katakan, dia merupakan replika manusia berasaskan silikon). Tetapi itu berlaku akibat daripada hakikat bahawa *Nixon* adalah nama peribadi, yang menyediakan cara untuk merujuk kepada Nixon *sebagai seorang manusia*; ia tidak mempunyai sebarang keertian metafizikal. Jika kita mengabstrak daripada perspektif yang disediakan oleh bahasa tabii, yang nampaknya tidak mempunyai nama tulen dalam erti ahli logik (perkara yang sama juga benar bagi pemboleh ubah, kiranya kata ganti nama dianggap pemboleh ubah, dan indeksan, kita mempertimbangkan syarat penggunaannya dalam merujuk), maka intuisi tidak dapat dipertahankan: Nixon akan menjadi entiti yang berbeza, agaknya, jika rambutnya disikat dengan cara yang berbeza. Begitu juga, objek di hadapan saya pada dasarnya bukan sebuah meja tulis atau meja; objek tersebut mungkin berupa sebilangan benda lain, apabila minat, fungsi, niat pencipta, dsbnya, berubah. Memetik contoh kajian yang lebih mutakhir, penilaian Joseph Almog bahawa Gunung Nanga Parbat ialah gunung *pada dasarnya* mungkin boleh difahami dalam keadaan tertentu; bagaimanapun, bertentangan dengan apa yang diandaikannya, “ujian pengabstrakan koheren” beliau bagi saya mengizinkan kita, dalam keadaan yang lain, menafikan sifat Nanga Parbat ini, tetapi mengekalkannya sebagai entiti yang sama: Katakan, jika aras laut meningkat cukup tinggi untuk menjadikan puncaknya sebuah pulau, lalu dalam kes ini ia tidak lagi sebuah gunung sebagaimana Britain; atau jika tanah dilambakkan di sekitarnya sehingga beberapa milimeter ke puncaknya, maka dalam kes ini ia bukanlah gunung tetapi sebahagian daripada tanah rata yang dikelilingi rekahan, walaupun ia kekal sebagai entiti yang sama (Almog, 1991).

Sebagai ringkasan, dapat dipersoalkan bahawa kesimpulan piawai dapat melepasi analisis yang teliti tentang tanggapan teknikal “rujukan” (dalam erti kata bak-*R'*) atau “spesifikasi rujukan”. Mungkin ada kewajaran untuk

tanggapan *R* dalaman teori-teori C-R (pada dasarnya suatu tanggapan sintaktik, biarpun kelihatan tidak). Nampaknya tidak banyak sebab untuk mengandaikan bahawa suatu tanggapan beranalogi *R'* dapat diberikan perumusan yang koheren dan berguna sebagai suatu hubungan yang wujud di antara ungkapan dengan jenis benda tertentu, terpisah daripada syarat tertentu dan keadaan perujukan. Jika ini benar, maka tidak akan ada penelitian yang munasabah terhadap tanggapan “makna” atau “kandungan” yang “menetapkan rujukan” (*R'*), setidak-tidaknya bagi bahasa tabii, walaupun terdapat suatu penelitian (sintaktik) yang berkemungkinan tentang syarat penggunaan bahasa (termasuk perujukan).

Seperti yang dibincangkan terdahulu, penelitian naturalistik mungkin membawa kepada penciptaan tambahan bak-bahasa kepada bahasa-I; untuk ini, suatu tanggapan bak-*R'* mungkin sesuai, apabila istilah dilurutkan sifat bahasa-I yang menyediakan perspektif tafsiran dan hubungan semantik, dipisahkan daripada kepercayaan-I, dan diumpukkan sifat yang tiada dalam bahasa tabii. Sistem yang dibina ini boleh menggunakan sumber bahasa-I (sebutan, morfologi, struktur ayat, dsbnya), atau melewatinya (sebagai contoh, dengan memasukkan formalisme matematik). Bahasa-I merupakan hasil fakulti bahasa, diabstrakkan daripada komponen lain dalam minda; ini tentunya suatu unggulan, justeru perlu diwajibkan atau diketepikan berasaskan peranannya dalam rangka kerja penjelasan. Gambaran ini boleh diperluas, nampaknya munasabah, dengan membezakan sistem kepercayaan akaliah daripada hasil fakulti pembentukan sains. Yang terkemudian bukan sistem bahasa-I mahupun kepercayaan-I, dan untuk ini mungkin sesuai ditentukan hubungan *R'*.

Sebahagian daripada motivasi bagi pendekatan eksternalis terbit daripada keprihatinan untuk memahami sejarah sains. Oleh itu, Putnam berhujah bahawa kita seharusnya menganggap Niels Bohr pada awalnya merujuk kepada elektron dalam erti kata teori kuantum, atau kita terpaksa “*dismiss all of his 1900 beliefs as totally wrong,*” (Putnam, 1988a) mungkin setara dengan kepercayaan seseorang tentang malaikat, suatu kesimpulan yang jelas tidak munasabah. Perkara yang sama juga benar bagi ahli kimia pra-Dalton dalam memperkatakan atom. Dan mungkin, dengan alasan yang sama, kita sepatutnya mengatakan bahawa ahli kimia pra-Avogadro itu merujuk kepada apa yang kita sebutkan atom dan molekul, walaupun bagi mereka istilah-istilah ini jelas boleh ditukar ganti.

Perbincangan ini mengandaikan bahawa istilah seperti *electron* tergolong dalam sistem yang sama seperti *house*, *water*, dan anafora kata ganti, supaya kesimpulan tentang *electron* turut terbawa ke dalam tanggapan

kategori yang terkemudian. Andaian tersebut nampaknya tersirat dalam cadangan Putnam bahawa “Penentuan kerumitan intrinsik sesuatu tugas adalah pertanyaan, *Berapa sukarkah ia dalam kes yang paling sukar?*” dengan “kes paling sukar” bagi “rujukan yang sama” atau “makna yang sama” diutarakan oleh konsep seperti *momentum* atau *electron* dalam fizik. Namun, andaian ini meragukan. Kajian bahasa seharusnya mencari suatu gambaran yang lebih berbeza daripada itu, dan apa yang benar bagi pembinaan teknikal fakulti pembentukan sains mungkin tidak benar bagi leksikon bahasa tabii. Namun, katakan hal ini benar. Dan jika kita selanjutnya bersetuju bahawa minat dalam kebolehfahaman wacana saintifik merentasi masa merupakan suatu persoalan wajar, ia masih tidak dapat berfungsi sebagai asas kepada teori makna yang umum; lagipun, ia sekadar satu aspek dalam kalangan banyak hal, dan bukan aspek pokok kajian psikologi manusia. Tambahan pula, terdapat parafrasa internalis. Oleh itu, kita boleh mengatakan bahawa dalam penggunaan awal Bohr, beliau mengungkapkan kepercayaan yang palsu secara harfiah, kerana tidak terdapat sesuatu yang sedemikian yang difikirkannya semasa merujuk kepada elektron; tetapi gambaran dunia beliau dan pengucapannya cukup serupa dari segi struktur dengan konsepsi terkemudian sehinggakan kita dapat membezakan kepercayaannya tentang elektron daripada kepercayaannya tentang malaikat. Dan lagi, itu nampaknya suatu cara yang wajar untuk kita bertindak.

Untuk contoh yang jauh lebih mudah dalam kajian bahasa, pertimbangkan perbahasan yang berlangsung 30 tahun dahulu tentang sifat unit fonologi. Ahli fonologi strukturalis mempostulatkan segmen (fonem) dan ciri fonetik, dengan koleksi tertentu sifat. Ahli fonologi generatif berhujah bahawa entiti sedemikian tidak wujud, dan unsur sebenar mempunyai sifat yang agak berlainan. Katakan satu daripada pendekatan ini nampak betul (katakan, yang terkemudian). Dengan itu, adakah ahli fonologi struktural selama ini merujuk kepada segmen dan ciri dalam erti kata fonologi generatif? Tentu tidak. Mereka menafikannya, dan memang hak mereka berbuat demikian. Adakah mereka merepek meraban? Sekali lagi, tentunya tidak. Fonologi strukturalis memang masuk akal; tanpa sebarang andaian terdapatnya entiti daripada jenis yang dipostulatkan, sebahagian besar teori dapat ditafsirkan semula dalam fonologi generatif, dengan hasilnya yang serupa pada dasarnya. Tidak ada cara yang berprinsip untuk menentukan bagaimana ini dilakukan, atau untuk menentukan “keserupaan kepercayaan” di antara dua aliran pemikiran atau fikiran dan kepercayaan mana yang dikongsi bersama oleh mereka. Ada kalanya berguna juga diperhatikan persamaan dan merumuskan idea semula, ada kalanya tidak. Perkara yang

sama juga benar bagi Bohr terdahulu dan Bohr terkemudian. Tiada yang lebih pasti diperlukan untuk mengekalkan integriti upaya saintifik atau tanggapan kemajuan yang baik ke arah kebenaran tentang dunia, setakat yang ia tergolong dalam keupayaan kognitif manusia.

Wajar diperhatikan bahawa analisis dari segi ini, dengan menjauhi andaian eksternalis tentang penetapan rujukan, tekal dengan intuisi tokoh-tokoh yang dihormati. Perbincangan makna *electron*, *water*, dll mengunjur ke belakang, tetapi kita boleh mengunjur ke hadapan juga. Pertimbangkan persoalan sama ada mesin boleh berfikir (memahami, merancang, menyelesaikan masalah, dll.) atau tidak. Berdasarkan hujah lazim eksternalis, persoalan ini sepatutnya diselesaikan dengan kebenaran terhadap fikiran: Apakah inti sari Peter memikirkan anak-anaknya, atau menyelesaikan persamaan kuadratik, atau bermain catur, atau mentafsirkan ayat, atau membuat keputusan untuk memakai baju hujan? Tetapi ini bukanlah caranya bagi Ludwig Wittgenstein dan Alan Turing, dua contoh yang terkemuka. Bagi Wittgenstein, persoalan sama ada mesin boleh berfikir tidak dapat dikemukakan secara serius: “*We can only say of a human being and what is like one that it thinks*” (Wittgenstein, 1958: 113), mungkin anak patung dan roh; itulah caranya alatan ini digunakan. Turing, dalam karya klasiknya terbitan 1950, menyatakan bahawa soalan sama ada mesin boleh berfikir,

maybe too meaningless to deserve discussion. Nevertheless I believe that at the end of the century the use of words and general educated opinion will have altered so much that one will be able to speak of machines thinking without expecting to be contradicted. (Turing, 1950: 442)

Wittgenstein dan Turing tidak menerima pakai huraian lazim eksternalis. Bagi Wittgenstein, soalan ini dangkal: Alat digunakan seperti yang sepatutnya; dan jika penggunaannya berubah, bahasanya juga berubah, dengan bahasa tidak lebih daripada cara kita menggunakan alat itu. Turing juga berbicara tentang bahasa “pendapat umum yang berpengetahuan” berubah, tatkala minat dan tumpuan berubah. Dari segi kita, akan berlaku anjakan dari bahasa-I yang digambarkan Wittgenstein kepada yang baru, dengan perkataan lama *think* disingkirkan untuk memberi laluan kepada perkataan baru yang digunakan untuk mesin dan juga manusia. Untuk bertanya, pada tahun 1950, sama ada mesin berfikir adalah sama bermaknanya dengan soalan sama ada kapal terbang dan orang (katakan, atlet lompat tinggi) benar-benar terbang. Dalam bahasa Inggeris kapal terbang boleh terbang

tetapi atlet lompat tinggi tidak (melainkan secara metaforik), dalam bahasa Hebrew kedua-duanya tidak boleh terbang, manakala dalam bahasa Jepun kedua-duanya boleh terbang. Hakikat sedemikian tidak memberitahu kita apa-apa tentang soalan (tidak bermakna) yang dikemukakan, tetapi sekadar tentang variasi bahasa-I yang pinggir dan agak arbitrari. Persoalan tentang apa yang dimaksudkan dengan *atom* sebelum zaman Dalton, atau *electron* bagi Bohr dalam tahun 1900, nampaknya setanding, dalam aspek yang relevan, terhadap persoalan apa makna *think* bagi Wittgenstein dan Turing; tidak sepenuhnya sama, kerana *think*, *atom*, dan *electron* sepatutnya tidak dianggap sebagai tergolong dalam bahasa-I yang homogenus. Dalam semua kes ini, perspektif internalis nampaknya memadai, bukan sahaja bagi intuisi Wittgenstein dan Turing, tetapi juga bagi huraian apa yang berlaku; atau apa yang mungkin berlaku apabila keadaan dan minat berubah.

Mungkin ada orang berhujah bahawa teori-teori semantik terbaru telah mengatasi intuisi Wittgenstein dan Turing kerana kejayaan penjelasan masing-masing. Itu, bagaimanapun, bukan suatu idea yang mungkin berhasil; kejayaan penjelasan tidak cukup untuk menanggung beban itu. Secara umumnya, kita tidak mempunyai cukup sebab untuk mempercayai bahawa lebih daripada suatu ciri susunan Wittgenstein berada di sebalik ranah penelitian internalis, yang, bagaimanapun, jauh lebih kaya dan informatif daripada apa yang diandaikan oleh Wittgenstein, John Austin (1962), dan yang lainnya.

Penelitian naturalistik akan sentiasa jauh berkurangan daripada keintensionalan. Sekurang-kurangnya dalam erti kata ini, "*intentionality won't be reduced and won't go away*," seperti yang diungkapkan oleh Putnam, dan "*language speaking*" akan kekal tidak "*theoretically explicable*" (Putnam, 1998a:1). Kajian sistem-sistem C-R, termasuk "semantik internalis", nampaknya, buat masa ini, suatu bentuk penelitian naturalistik yang paling mungkin mendatangkan hasil, dengan program penyelidikan yang agak berjaya; pemahaman tentang sistem lakuan masih pada peringkat asas, tetapi masih dalam ranah penelitian, dalam beberapa hal sekurang-kurangnya. Pendekatan sebegini menimbulkan masalah daripada jenis yang biasa terdapat dalam sains alamiah, tetapi tiada satu pun nampaknya berbeza secara kualitatif. Dengan meneruskan pendekatan ini, kita berharap dapat mempelajari banyak perkara tentang peranti yang digunakan untuk mengungkapkan fikiran, mentafsir dan sebagainya. Pendekatan ini juga mengabaikan banyak persoalan lain, tetapi persoalan itu masih perlu ditunjukkan sebagai soalan yang sebenarnya, soalan semu yang menandakan topik-topik penelitian yang ingin diterokai – tetapi tidak lebih daripada itu.

NOTA

¹ Davies menerima pendirian Tyler Burge bahawa karya aliran pemikiran Marr berkaitan dengan persembahan “bermaklumat” dengan kandungan yang berniat (oleh itu dengan antededen bersebab yang sebenar), tetapi pendirian tersebut nampaknya tidak selaras dengan amalan eksperimentasi sebenar atau keputusan berteori (umpamanya, prinsip ketegasan Ullman); sukar dilihat bagaimana benarnya, jika hanya kerana – seperti yang ditegaskan oleh Davies – karya Marr tidak mencapai tahap persembahan model 3D. Setakat ini, sebagaimana kajian mengenai persepsi visual mengesahkannya (misalnya, karya Elizabeth Spelke tentang kekonstanan objek peringkat bayi, Spelke, 1990), tetap mengekalkan pengalaman visual, bukannya kandungan berpersepsi dalam maksud teknikal bagi wacana falsafah (Ullman, 1979, Davies, 1991).

² Mendedahkan sistem vaskular yang sungguh kaya, Richard Lewontin berseloroh, bahawa berkenaan dengan kisah khayalan yang direka-reka mengenai evolusi kognisi seseorang mungkin menambah kata tentang spekulasi bahawa otak berevolusi sebagai pengawal atur haba, menyejukkan darah seperti yang difikirkan oleh Aristotle dan membebaskan kognisi manusia sebagai hasil sampingan (Lewontin, 1990).

³ Sekali lagi dinyatakan di sini, tidak ada implikasi bahawa sistem perengai sebenar akan berpadanan rapat dengan kegunaan informal, atau wacana falsafah, atau wacana teknikal yang lain.

⁴ Kemungkinannya tidaklah besar, sungguhpun frasanya boleh bermaksud yang cukup jelas bagi persoalan itu dibangkitkan secara waras.

⁵ Tajuk ini telah dibincangkan dengan panjang lebar semenjak terbitnya makalah berjudul “Minds, brains, and programs” oleh John Searle (Searle, 1980). Tidaklah jelas bahawa sebarang isu substantif telah dirumuskan.

⁶ Masalah antara peringkat timbul sekiranya diandaikan “holisme semantik”.

⁷ Prosedur ini janganlah dikelirukan dengan prinsip prinsip belas ihsan dan seumpamanya, jika keserlahan bahasa-fahaman didapati sah. Bagi memungkinkan realistik setidak-tidaknya, haruslah dibezakan banyak kes. Oleh itu, apa yang dilakukan oleh Peter apabila Mary bercakap tentang bahasa yang berkait rapat mungkin mempunyai sedikit kaitan dengan prosedurnya ketika Mary bercakap tentang sesuatu yang merapu. Dengan menggolongkan semua proses demikian di bawah “interpretasi” atau “terjemahan” bukanlah strategi penyelidikan yang baik.

⁸ Berkenaan dengan kemajuan pendekatan ini oleh Saul Kripke, dan rumusannya mengenai kerelevanannya dalam linguistik, lihat Chomsky, 1986a: Bab 4.1.

⁹ Dalam *Representation and Reality*, Putnam (Putnam, 1988a) menegaskan sesuatu yang berlawanan dengan andaian bahawa entri leksikal merangkumi rujukan khusus terhadap pertimbangan pakar. Hujah ini berdasarkan pada andaian tak bertulis tentang bahasa dan terjemahan awam yang sepunya yang pada pandangan saya tidak mudah dipertahankan, atau malah dirumus. Walau bagaimanapun, kita mungkin menerima kesimpulan tersebut. Dengan mengambil kira kebergantungan terhadap

pertimbangan pakar (antara pilihan lain) sebagai ciri umum beberapa banyak kategori entri leksikal, yang berkaitan dengan kaedah kemasukannya ke dalam sistem kepercayaan.

¹⁰ Lihat Stich, 1983. Masalah asas – bahawa mana-mana kriteria yang diutarakan serta-merta menjadi terlalu kuat dan terlalu lemah – disebut secara kasar dalam Scheffler, 1995.

¹¹ Dari segi tekniknya, kita haruslah bercakap tentang “ritma- I” dsb.

¹² Lihat Lasnik, 1989: terutama sekali Bab 9. Persoalan menarik timbul dalam kes (2c) (“pengkatagantian dari hujung ke pangkal”) yang berkaitan dengan hal-hal seperti kegunaan rujukan bagi keterangan lengkap dan maklumat baharu-lama.

¹³ Putnam kerap menekankan bahawa standard bagi inferens dan justifikasi kepercayaan adalah tidak dapat dielakkan berkaitan –kepentingan. Tambahan pula, ciri khusus (dan seterusnya batasan) bagi pemahaman manusia mengenakan pilihan mengenai garis kasar bagi teori yang barangkali tidak sesuai, dengan meninggalkan masalah yang memang misteri bagi manusia (ciri umum bagi organisma). Lihat Chomsky, 1975; McGinn, 1991.

¹⁴ Yang tentunya tidak dipersoalkan ialah hakikat bahawa yang dilakukan oleh manusia bergantung pada peristiwa di mana-mana pada bila-bila masa; soalnya sama ada pencarian naturalistik berbentuk “Markovian” (lihat Miller dan Chomsky, 1963:422ff.) hanya dengan mengambil keadaan berakibat bagi organisma yang akan memasuki perengai semasa yang setempat. Oleh yang demikian, ingatan akan luput atau terbentuk semula, tetapi untuk memahami apa yang sedang dilakukan oleh seseorang di tempat ini pada masa kini, kita bertanya apakah yang secara dalamannya, bukannya apa yang pernah berlaku. Begitu juga pertumbuhan sel menjadi jari atau tulang lengan bergantung pada masa yang berlalu tetapi kajian mengenai proses itu mengikut petunjuk tersebut sebagai gradien semasa bagi kepekatan bahan kimia yang memberitahu sel tentang hakikat itu. Inilah standard, dan nampaknya prosedur yang sangat munasabah.

¹⁵ Sama ada teori tersebut harus berkembang mengikut keadaan ini, soal lain. Hujah saya hanya memberitahu bahawa sekiranya mereka bergantung pada pendapat bagi rujukan yang akan digunakan, kebergantungan rujukan, dll., sebagai lebih daripada *façon de parler*, maka sesuatu yang seperti disebut di sini nampaknya telah awal-awal lagi diandaikan – tidak rujukan pada makhluk (atau yang dipercayai ada) di dalam dunia.

¹⁶ Terdapat perbezaan dalam kalangan pengkatagantian dari hujung ke pangkal, lihat nota 12.

¹⁷ Hujah asas tentang “pernyataan keliru yang bersistem” mengikut fahaman Ryle masih dapat dikesan sekurang-kurangnya setakat kritik abad ke-18 mengenai teori idea oleh du Marsais dan kemudiannya oleh Thomas Reid; lihat Chomsky, 1965: 199–200.

¹⁸ Atau mengenai kandungan berpersepsi dalam fahaman teknikal yang khusus mengenai wacana berfalsafah; lihat nota 1 dan teks. Garis pemisah menurut Davies

antara tafsiran “konservatif” dengan “kajian semula” mengenai pandangan teknikal tidaklah jelas, melebihi daripada yang dapat kita bezakan antara tafsiran konservatif dengan tafsiran kajian semula mengenai daya elektromagnet.

¹⁹ Perhatikan cerapan oleh Stich (1983) tentang ketidakupayaan “kebanyakan telinga yang sebelumnya belum tercemar oleh teori falsafah” untuk memberi keputusan muktamad dalam banyak kes sebegini. Cerapan itu tidak semestinya muktamad, barangkali hakikat psikologi tradisional hanya dapat dilihat melalui intuisi yang terlatih dan terarah. Dengan adanya konteks teori yang lebih lengkap, yang barangkali tekaan yang munasabah. Tetapi jelas tidak ada konteks teori, oleh yang demikian sedikit alasan untuk diambil berat keputusan terasing itu sebagai bermakna.

RUJUKAN

- Almog, Joseph, 1991. “The what and the how”. *Journal of Philosophy* 5:225–44.
- Austin, John, 1962. *How to do Things with Words*. Oxford, Clarendon Press.
- Bilgrami, Akeel, 1992. *Belief and Meaning*. Blackwell, Oxford.
- Broomberger, Sylvain, 1992a. “Types and tokens in linguistics” dlm. S. Broomberger, *On What We know We Don’t Know*. University of Chicago Press, hlm. 170–208.
- Burge, Tyler, 1992. “Philosophy Of Language and Mind”. *Philosophical Review* 101:3–51.
- Chomsky, Noam, 1975. *Reflections on Language*. Pantheon, New York.
- Chomsky, Noam, 1981a. *Lectures on Government and Binding*. Dordrecht, Foris.
- Chomsky, Noam, 1991a. “Linguistics and adjacent fields: a personal view” dlm. A. Kasher, ed *The Chomskyan Turn*, Oxford, Blackwell hlm. 3–25.
- Chomsky, Noam, 1991b. “Linguistics and cognitive science: problems and mysteries”. Dlm.. A. Kasher, ed. *The Chomskyan Turn*, Oxford, Blackwell hlm. 26–53
- Davidson, Donald, 1986b. “A nice derangement of epitaphs”. Dlm. E. Lepore, ed. *Truth and Interpretations*. Oxford, Blackwell hlm. 433–46.
- Davies, Martin. 1991. “Individualism and perceptual content”. *Mind* 100:461–84.
- Dummett, Michael, 1986. “A nice derangement of epitaphs: some comments on Davidson and Hacking”. Dlm. E. Lepore, ed. *Truth and Interpretations*. Oxford, Blackwell hlm. 459–76.
- Fodor, Jerry, 1975. *The Language of Thought*. New York, Crowell.
- Fodor, Jerry dan Ernest Lapore 1992. *Holism: A Shopper’s Guide*. Oxford, Blackwell.
- Frege, Gottlob, 1892/1965. “Über Sinn und Bedeutung”. *Zeitschrift für Philosophie und Philosophische Kritik* 100:25–50 . Dicitak semula sebahagiannya sebagai

- “On sense and nomination” dlm. Ernest Nagel; dan Richard Brandt, ed., *Meaning and Knowledge Systematic Readings in Epistemology*. Harcourt, Brace & World, New York, hlm. 69–78.
- Higginbotham, James, 1985. “On semantics”. *Linguistic Inquiry* 16:547–93.
- Higginbotham, James, 1989. “Elucidation of meaning”. *Linguistics and Philosophy* 12:465–517.
- Jaeger, H.M. dan Sidney R. Nagel, 1992. “Physics of the granular state”. *Science* 255:1523–31.
- Kripke, Saul, 1972. *Naming and Necessity*, dlm. Donald Davidson dan Gilbert Harman, ed., *Semantics of Natural Language*. Dordrecht, Reide, hlm. 253–355.
- Marr, David, 1982. *Vision*. New York, W.H. Freeman.
- Marshall, John, 1990. Foreword to Yamada 1990.
- Moravcsik, Julius 1990. *Thought and Language*. London, Routledge.
- Neville, Helen, J. Nicol, A. Barss, K. Forster dan M. Garrett, 1991. “Syntactically based sentence processing classes: evidence from event – related brain potentials”. *Journal of Cognitive Neuroscience* 3:151–65
- Putnam, Hilary 1975. “The Meaning of ‘meaning’”. Dlm. *Philosophical Papers, vol 2: Mind Language and Reality*. Cambridge University Press hlmn 215–71.
- Putnam, Hilary , 1978. *Meaning and the Moral Sciences*. Routledge & Kegan Paul.
- Putnam, Hilary, 1988a. *Representation and Reality*. Cambridge, MA, MIT Press.
- Ramberg, Bjorn, 1989. *Donald Davidson’s Philosophy of Language*. Oxford, Blackwell.
- Strawson, Peter, 1952. *Introduction to Logical Theory*. London, Methuen.
- Tremblay, Mireille, 1991. “Possession and Datives”. Disertasi PhD., McGill University.
- Turing, Alan, 1950. “Computing Machinery and Intelligence”. *Mind* 49: 433–60
- Ullman, Shimon, 1979. *The Interpretation of Visual Motion*. Cambridge, MA, MIT Press.
- Yamada, Jeni, 1990. *Laura*. Cambridge, MA, MIT Press.